



UPM-Pertanian, kekal relevan, berimpak tinggi

> 10-11

September 2011 Bil. 69

www.tribunputra.upm.edu.my

PP10540/10/2011(026554)

## UPM - JPT lancar Buku Kajian Kes Kejuruteraan Awam dan Buku Hala Tuju



Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin (tengah) melancarkan buku Kajian Kes Kejuruteraan Awam dan Buku Hala Tuju Pendidikan Senibina disaksikan Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (kiri) dan Ketua Pengarah JPT, Prof. Dato' Dr. Rujhan Mustafa.

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

SERDANG, 30 Jun - Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan tiga buku iaitu Kajian Kes : Satu Kaedah Pengajaran-Pembelajaran Baru dalam Kejuruteraan Awam, Hala Tuju

Bidang Kaunseling di Malaysia dan Hala Tuju Pendidikan Senibina di Malaysia untuk menambah nilai kualiti sistem pengajaran di semua institusi pengajian tinggi dalam negara ke tahap global.

Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkata pelancaran

buku-buku itu merupakan satu peralihan dari Pengajaran Berpusatkan Pensyarah (Teacher Centred) kepada amalan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar atau Student-Centred Learning (SCL) yang bersifat dua hala.

Beliau berkata penggunaan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar dalam Buku Kaji-

an Kes dalam Kejuruteraan Awam boleh melahirkan lebih banyak modul untuk meningkatkan kemahiran berfikir pelajar secara kritis dan saintifik, meningkatkan kemahiran pengurusan maklumat serta menambah keyakinan pelajar melalui penulisan, pengucapan dan interaksi.

> LIHAT MUKA 2



**Tribun Putra mengucapkan tahniah kepada 7,282 graduan sempena Majlis Konvokesyen ke - 35 UPM**

## PRPI pameran 570 reka cipta, penyelidikan dan inovasi

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

SERDANG - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Putra Malaysia (UPM) mempamerkan sebanyak 570 pameran kepada orang ramai dalam bidang pertanian, makanan, perhutanan dan alam sekitar, kesihatan, sains, teknologi dan kejuruteraan dan sains sosial pada Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI 2011) pada 19 hingga 21 Julai 2011.

Pameran penyelidikan terbesar UPM berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM memperkenalkan hasil penyelidikan, inovasi dan reka cipta penyelidikan UPM yang boleh dikomersialkan kepada industri dan memberi manfaat kepada masyarakat.

PRPI 2011 yang masuk tahun kesembilan itu bertemakan Komersialisasi Inovasi ke Arah Kelestarian Ekonomi dan Kesejahteraan Komuniti menganjurkan pertandingan reka cipta antara sekolah menengah terpilih dari seluruh negara (Mini PRPI), pameran seperti galeri pelbagai jenis robot, pertanian

dan ternakan; orkid UPM; herba dan makanan kesihatan, kanser dan kesihatan; teknologi hijau, pendidikan dan sosial sains serta Kumpulan Kreatif dan Inovatif UPM.

Pameran itu turut menyediakan lot pameran khas yang memaparkan tema penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D & C) produk pertanian, produk vaksin dan nutrisutikal, kanser dan kesihatan dan teknologi hijau. Satu produk yang mewakili setiap lot pameran khas itu bukan sahaja pernah memenangi anugerah tempatan dan antarabangsa tetapi telah dikomersialkan atau dalam peringkat pra-pengkomersialan.

PRPI juga mengadakan demonstrasi hasil ciptaan makanan baharu dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan dan pameran interaktif dari Pusat Sains Negara.

PRPI 2011 turut menyediakan lawatan kampus menaiki tram kepada pelawat yang terdiri daripada pelajar sekolah dan industri mengunjungi Pusat Ekuin untuk melihat kuda, ladang ternakan rusa, Putra Dairy Park untuk melihat proses pemerahan susu lembu, Taman

Konservatori Institut Biosains untuk melihat pelbagai tumbuhan herba, klinik haiwan kesayangan untuk melihat ahli veterinar memberikan tips pemeliharaan dan melawat ke tanaman orkid.

Selain itu PRPI turut melancarkan produk komersil Monogastric Animal Feed oleh Fakulti Pertanian iaitu produk penggalak tumbesaran ayam tanpa menggunakan suntikan.

PRPI 2011 yang disertai oleh pensyarah, felo penyelidik, pelajar pasca doktorat, pelajar siswazah dan pegawai penyelidik turut mempertandingkan hasil projek penyelidikan masing-masing.

Pameran itu boleh memperkukuhkan hubungan strategik antara UPM dengan kementerian berkaitan selari dengan usaha kerajaan untuk memacu ekonomi berpendapatan tinggi menerusi pemerkasaan sektor pembangunan, penyelidikan dan inovasi dalam bidang-bidang berkaitan serta meyakinkan pemegang taruh atau pihak industri untuk menyumbangkan dana penyelidikan serta proses pengkomersialan.

## UPM tawar pengambilan 3,438 pelajar baharu

SERDANG, 9 Sept - Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan pengambilan 3,438 pelajar baharu melalui 56 program di peringkat bachelors bagi sesi pertama sesi 2011/2012 baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata daripada jumlah itu, 1,090 adalah pelajar lelaki dan 2,348 pelajar perempuan.

"Tahun lalu, seramai 4,326 pelajar baru mendaftar masuk. Penurunan ini berlaku kerana UPM ingin memberi tumpuan kepada program pasca siswazah bersesuaian dengan statusnya sebagai universiti penyelidikan. Ia merupakan kriteria yang diperlukan bagi status tersebut," katanya.

Pelajar-pelajar baharu telah terlibat dalam pelbagai aktiviti yang dikenali dengan Minggu Perkasa Putra Pelajar Baharu Sesi 2011/2012 UPM, antaranya ialah Majlis Ramah Mesra bersama Menteri Pertanian Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar yang berlangsung pada 8 September dan Majlis bersama Naib Canselor

> LIHAT MUKA 7

### MENARIK!



NC ditauliah Kolonel (Kehormat)

> 2



Tuan Canselor lancar Wakaf Ilmu

> 2



UPM cipta sistem Bioreaktor tingkat benih Orkid


> 4



Ke arah penubuhan Parlimen Mahasiswa

> 7

ISSN 777-218008000-4





## NC ditauliahkan Kolonel (Kehormat)



Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin (kiri) menyempurnakan upacara pemakaian pangkat kepada Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (tengah).

Oleh Noor Eszereen Juferi & Lt. M. Mohd Firdaus Zakaria

SERDANG, 20 Julai - Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi telah dianugerahkan tauliah Kolonel (Kehormat) di dalam Angkatan Sukarela Persekutuan selaku Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Putra Malaysia dalam satu upacara pemakaian pangkat di UPM.

Upacara pemakaian pangkat tersebut telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin dan disaksikan oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mejar Jeneral Dato' Abdul Rahim Mohd Yusoff.

Penganugerahan tauliah tersebut telah diperkenalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di atas syor Majlis Angkatan Tentera Kali ke-504 yang bersidang pada 8 Jun 2011 yang lalu.



Pengerusi Lembaga Pengarah UPM Holdings Sdn. Bhd., Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Tajuddin Ali menyumbangkan zakat perniagaan kepada D.Y.M.M. Tuanku Canselor.

## Tuanku Canselor lancar Wakaf Ilmu

Oleh Noor Eszereen Juferi

SERDANG, 19 Ogos - Tuanku Canselor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melancarkan Wakaf Ilmu UPM serta menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada pelajar yatim, asnaf dan saudara baharu di sini.

Wakaf Ilmu UPM bagi memudahkan warga dan alumni UPM serta masyarakat memberi sumbangan berpanduan konsep wakaf untuk membantu pembiayaan aktiviti akademik, penyelidikan dan pemajuan ilmu di UPM.

Pengerusi Majlis Agama Islam Malaysia (MAIS), Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd

Isa menghadap Sultan Sharafuddin melalui acara simbolik menyumbangkan surat kelulusan Wakaf Ilmu UPM.

Sementara itu, seramai 162 pelajar-pelajar yang menerima sumbangan terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Sri Serdang, Sekolah Kebangsaan Serdang, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Serdang, Sekolah Menengah Sri Indah dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Baginda selaku Canselor UPM menyampaikan sumbangan itu sempena Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih bersama kira-kira 3,000 warga UPM dan komuniti di Masjid UPM.

Pengerusi Lembaga Pengarah UPM Holdings Sdn. Bhd., Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Tajuddin Ali turut menyumbangkan zakat perniagaan UPM Holdings bagi tahun 2010 berjumlah RM87,950.35 kepada Sultan Selangor.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim, Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim, Pro Canselor UPM, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Arifin dan Tan Sri Dato' Rozali Ismail.

## UPM pastikan program PJJ menepati kualiti KPT

Foto: Hasul Hamdan



Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG, 8 Jun - Universiti Putra Malaysia (UPM) akan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran program pendidikan jarak jauhnya (PJJ) mencapai tahap kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Pengarah Urusan, UPM Education & Training Sdn. Bhd. (UPMET), Dr. Abdul Aziz Saharee berkata pemantauan ke atas syarikat yang mengendalikan pusat pembelajaran akan dilakukan secara berterusan oleh Jawatankuasa Kawalan Mutu Program Akademik (Jumpa) bagi memastikan tahap akademik dan kebajikan pelajar sentiasa diberi perhatian.

"Kami berharap pihak pusat pembelajaran akan terus berusaha menambah baik prasarana di pusat masing-masing demi membina suasana pembelajaran yang kondusif untuk pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis memperbaharui memorandum perjanjian (MoA) yang berakhir pada hujung Februari lalu antara UPMET dengan 12 syarikat yang mengendalikan 15 pusat pembelajaran PJJ UPM di sini baru-baru ini.

Antara syarikat yang terlibat dalam MoA itu ialah Lifelong Learning Academy Sdn. Bhd yang mengendalikan Pusat Pembelajaran di Alor Star dan Ipoh, Tapak Intelek Sdn. Bhd. (Kuala Lumpur dan Shah Alam), Kolej Poly-Tech Mara

Sdn. Bhd. (Seremban) dan DMDI International Education Sdn. Bhd. (Melaka).

Syarikat-syarikat lain ialah Sugeharat Management & Training Services (Johor Bahru dan Kota Kinabalu), Shahputra Education Sdn. Bhd (Kuantan), Leader Tech Management & Services (Kota Bharu), ETP Management Sdn. Bhd (Kuching), KAS Management & Services (Sibu), KADZ Development Centre Sdn. Bhd (Miri), Gading Tenaga Resources Sdn. Bhd. (Sandakan) dan Syarikat Minda Cemerlang (Tawau).

Pada majlis MoA itu, UPM diwakili oleh Dr. Abdul Aziz sambil disaksikan oleh Pengarah Urusan UPM Holdings, Dr. Husaini Omar, sementara syarikat pusat pembelajaran diwakili oleh pengarah urusan masing-masing.

Abdul Aziz berkata, perjanjian itu merupakan kali ketiga dilakukan antara UPM dan pusat pembelajaran PJJ.

"Program PJJ UPM telah bermula sejak tahun 1995 dan ia dipertanggungjawabkan di bawah Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (Ideal). Pada 1 Januari 2004, Ideal telah digabungkan dengan Pusat Program Luar dengan menggunakan nama PPL.

"Pada Mac 2010, program PPL telah diletakkan di bawah UPMET untuk mengembangkan lagi program PJJ dan memberi perkhidmatan yang berkualiti dan efisien," ujarnya.

## Buku Hala Tuju Pengajian Kaunseling dan Senibina turut dilancar

> DARI MUKA DEPAN

"Ia merupakan strategi pengajaran di mana pelajar menjadi pemain utama dalam sesuatu sesi pembelajaran dan pengajaran dengan menggalakkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam setiap sesi pembelajaran.

"Dengan kaedah itu, lebih banyak masa diperuntukkan kepada pelajar meneroka dan menyelesaikan masalah dengan bantuan pengajar yang bertindak sebagai pemudah cara," katanya pada majlis pelancaran buku itu yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JPT, Prof. Dato' Dr. Rujhan Mustafa.

Dato' Seri Khaled berkata Kementerian memandang kaedah pembelajaran SCL mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan pelajar dalam kemahiran berkomunikasi, berfikir secara kritis dan saintifik, kebolehan kerja berkumpulan, mempertingkatkan kemahiran menguruskan maklumat, menambah keyakinan melalui penulisan dan pengucapan serta memupuk minat pembelajaran sepanjang hayat.

"Kaedah pembelajaran SCL secara kajian kes merupakan latihan menjalankan kajian yang mendalam tentang sesuatu proses, situasi, peristiwa dan dokumen untuk meneliti ciri-ciri istimewa pada kes.

"Bidang kejuruteraan awam telah mengambil satu inisiatif untuk memperkenalkan kaedah itu kepada pengajaran mereka dengan harapan pelajar

akan lebih terdedah dengan keadaan atau senario yang mungkin berlaku semasa menjalankan tugas sebagai jurutera awam," katanya.

Beliau berkata ini merupakan julung kalinya kaedah itu digunakan bagi program kejuruteraan, baik di Malaysia atau negara lain. Kerjasama di antara Fakulti bagi menjayakan buku kajian kes ini juga patut dijadikan contoh bagi yang lain dalam memastikan pembangunan kurikulum program akademik sentiasa relevan dengan kehendak semasa.

"Dengan terhasilnya buku-buku itu, maka objektif kementerian dalam melaksanakan Teras 2 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu Menambah Baik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran telah berjaya dilaksanakan," katanya lagi.

Buku Hala Tuju Bidang Kaunseling di Malaysia dan Hala Tuju Pendidikan Senibina di Malaysia pula menggabungkan kepakaran semua Dekan dan Ketua Jabatan yang terlibat dalam merencanakan kedudukan semasa dan perancangan strategik program berkaitan untuk tahun-tahun yang akan datang.

Kementerian berharap agar buku-buku kajian hala tuju itu dijadikan panduan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam menentukan kriteria bagi cadangan penubuhan sekolah, fakulti, jabatan atau pun pusat sebelum menawarkan sesuatu program pengajian.

Sementara itu Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata

perasmian Kompleks Kejuruteraan dan Teknologi untuk kemudahan 1,406 pelajar pasca-siswazah, 1,537 pelajar pra-siswazah, 80 penyelidik dan 178 pensyarah yang terdiri daripada warga Fakulti Kejuruteraan UPM diharap melonjakkan aktiviti pengajaran dan penyelidikan.

"Projek ini merupakan sokongan kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi menyediakan kemudahan yang terbaik dan kondusif untuk aktiviti pengajaran dan penyelidikan serta meningkatkan citra pengajian tinggi negara," katanya.

Menyentuh mengenai buku kajian kes, beliau berkata sebanyak sepuluh kes yang diadaptasi daripada masalah kejuruteraan semasa seperti kes keruntuhan stadium di Kuala Terengganu dan kes tanah runtuh di Ampang bertujuan untuk mendedahkan senario sebenar kepada pelajar melalui analisis dan perbincangan yang mencetus semangat pelajar terhadap kes-kes itu.

Pada majlis itu, Airod Sdn Bhd menyampaikan sumbangan berjumlah RM2 juta kepada UPM bagi penubuhan Kursi AIROD sementara Naim Engineering Sdn Bhd menyampaikan cek berjumlah RM500 ribu kepada UPM bagi endowment penyelidikan dan pembangunan Sistem Binaan Berindustri (IBS) selain menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan UPM.





## UPM helps boost competency level of counselors

By Syfarida Muhamad Zaki

SERDANG, July 26 - A seminar on Development of Professionalism of Guidance and Counseling Teachers, which was organised recently by UPM and the Ministry of Education Malaysia (MOE), has succeeded in increasing the competency level of guidance and counseling teachers where academic and career guidance is concerned and has enabled the sharing of knowledge on nurturing of students' soft skills.

UPM's Deputy Vice Chancellor (Academic and International), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris said that throughout the seminar, participants were exposed to many areas such as thinking skills, theory of constraint, expressive approach, soft skills and human governance.

"A good combination of knowledge and soft skills should be a part of every student in order for them to become successful graduates which makes it necessary for these values to

be inculcated during their school years."

"We want students who are competitive, proactive, who possess superior communication and critical thinking skills and can contribute to the local community and to the world at large," she said.

She also hoped that these expectations be conveyed to students by the teachers who attended the seminar.

"This seminar is also channeling the latest information on academic programs at tertiary level, the requirements, research findings and related fields," he said.

The seminar, held over three days from May 26th to July 28th, 2011, was attended by 350 counseling teachers from selected schools throughout, Malaysia with almost half of them being UPM's alumni.

A seminar participant from the District Education Office of Northern Seberang Prai, Penang, Mohd Zakaria Zain, said that the seminar had a huge impact on him and he couldn't wait to share the experience he has gained with fellow teachers and students at his school.

"I was really impressed with the lectures by Prof. Dr. Arifah Salleh on Human Governance because it offered insights into the effective approaches to be taken to produce thinkers among students. The tips she gave are great help to improving the professionalism of counseling teachers" he said.

A secondary school teacher in Pending Kuching, Nglen Jin Nee said that the seminar has taught her techniques and skills to manage problems faced by students.

"The technical art therapy presented by Assoc. Prof. Dr. Rusnani has taught me that it is possible to understand my students' thoughts and feelings through their paintings," she said.

Also present at the seminar was the Deputy Director (Student Division), School Management Division of MOE, Aminudin Adam who delivered a talk on Development of Professionalism of Guidance and Counseling Teachers: Direction and The Need for Competency of Guidance and Counseling Teachers.

## IPT to optimize its expertise



By Noor Eszereen Juferi

SERDANG, June 27 - The administrators of institutions of higher learning should view as its social responsibility the need to optimize its pool of expertise.

The Vice-Chancellor of Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, said that the failure of institutions to effectively play its role in impacting the community may jeopardise the very existence of the institutions.

"There is much that we can do, such as organizing programmes involving institutions of higher learning and communities to offer the public a clear picture of what institutions are capable of accomplishing," he said at a function at the Center for Extension, Entrepreneurship and Professional Advancement (APEEC), UPM recently.

In his presentation entitled 'Impact of Universities on Society', he said that UPM will continue to study the needs of society and strive to ensure that UPM is not seen merely as a university that prepares students for job market.

"To increase people's confidence in UPM, the quality of its students as well as the contribution of UPM graduates in the working world is significant must be apparent. If the failure of providing a will certainly jeopardise UPM's credibility," he said.

He also said that the expertise and the findings of UPM's researchers should undergo



the technology transfer process, thus widening the potential for its use among relevant parties.

"Fortunately we have expertise in agriculture and other sectors and this can enable us to penetrate into the current market.

"Researchers should also seriously consider patenting their research products in order to effectively control intellectual property rights which can in turn generate income for the university," he added.

Dato' Ir. Dr. Radin also encouraged researchers and experts to practice innovative knowledge sharing with other institutions and agencies in order to foster a strong working relationship between the university and the industry.

"It is important to establish solid industry links and to be aware of the current needs of the industry.

"Doing all that allows the university to effectively carry out its essential function to interact with the community and to highlight community-related issues," he said.

## Kokurikulum Berkredit mampu atasi pengangguran



Oleh Mohd Fikrie Azlan

SERDANG, 1 Julai - Kursus kokurikulum berkredit yang berkualiti tinggi dan tenaga pengajar yang berkecemerlang serta

berkelayakan adalah kunci bagi melahirkan graduan Universiti Putra Malaysia yang functional, enterprising and employable.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin

Sohadi berkata punca graduan tidak mendapat pekerjaan adalah kegagalan mereka memenuhi kriteria majikan dan sistem akademik yang kurang relevan dan perlu dikemas kini.

"Pendekatan dinamik oleh Kementerian Pengajian Tinggi berdasarkan sistem LOKI iaitu Hasil Pembelajaran (Learning Outcomes) dan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) perlu diselenggarakan dan diterapkan dalam kursus kokurikulum berkredit.

"Berdasarkan kajian My3S lalu, terdapat dua isu yang perlu diberi perhatian serius iaitu kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

"Justeru, pihak UPM telah mewujudkan Test on Communication in English (TOCIE) sebagai exit test untuk menguji tahap kompetensi pelajar setelah mengikuti kursus kemahiran bahasa Inggeris," katanya ketika merasmikan Majlis Bengkel Pembentukan dan Pemantapan Generic Student Attributes Melalui Kursus Kokurikulum Berkredit di Panggung Percubaan, UPM.

Bengkel yang dianjurkan oleh Pusat Inovasi, Keusahawanan dan Pembangunan

Pelajar, UPM bertujuan untuk memantapkan kursus kokurikulum dengan memperkasakan kemahiran insaniah tenaga pengajar bagi mengatasi masalah pengangguran graduan UPM.

Beliau berkata, "Antara perkara yang akan dinilai dalam pelaksanaan kursus itu adalah kandungan kokurikulum, kualiti penyampaian dan pedagogi, pemantauan, penilaian dan kegiatan tambahan yang relevan.

"Hal ini penting kerana ia akan memberi kesan langsung dalam penilaian Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) 2011 kelak.

Tambah beliau lagi, pelajar perlu didedahkan dengan pengalaman sebenar dan pemahaman konsep pemikiran global yang menghargai kepelbagaian di peringkat global.

"Frasa 'Think local act global' atau 'Think global act local' seharusnya dijadikan inspirasi dalam mencipta budaya pembaharuan katanya.

Dato' Ir. Dr. Radin Umar menyasarkan peningkatan kompetensi pelajar dalam tiga penilaian tahun ini iaitu skor SETARA kepada 82 peratus, kebolehpasaran graduan kepada 78 peratus dan skor Generic Student Attributes kepada 90 peratus.



Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (kanan) merasmikan Bengkel Pembentukan dan Pemantapan Generic Student Attributes.



# UPM cipta sistem Bioreaktor tingkat benih orkid

oleh Noor Eszereen Juferi

SERDANG, 23 Ogos - Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan teknologi untuk meningkatkan pembungaan dan anak benih orkid melalui sistem bioreaktor.

Ketua Penyelidik Prof. Dr. Maziah Mahmood dari Jabatan Biokimia, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata sistem bioreaktor menggunakan tisu kultur itu mempercepatkan proses pembungaan untuk meningkatkan hasil anak benih orkid.

"Transformasi genetik sistem ini membolehkan orkid tahan penyakit,

mengeluarkan bunga sepanjang tahun kepelbagaian warna bunga, bunga yang tahan lama dan mengeluarkan bau. Selain itu teknologi ini menjimatkan kos pembajaan dan pengurusan pokok orkid," katanya pada sidang media Putra Cipta UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti (RMC) dan Pejabat Pemasaran dan komunikasi (MarComm) UPM di sini.

Beliau berkata sehingga kini belum ada teknologi pembangunan orkid seperti itu di pasaran Malaysia kerana formula yang sedia ada berkaitan dengan pembajaan.

Prof. Dr. Maziah berkata teknologi bercirikan mesra alam itu memudahkan orkid membiak kerana sistem pengudaraan lebih

banyak dan tidak memerlukan baja dan air.

"Kaedah ini sesuai untuk pekebun-pekebun kecil, pemilik tapak semaian dan peminat orkid. UPM masih mencari pegerak yang berminat untuk memasarkan teknologi ini," katanya.

Katanya penyelidikan selama 10 tahun itu yang pernah memenangi pingat emas di Pameran Rekabentuk, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) pada tahun 2011, 2010, 2008 dan 2007 telah melibatkan kos kira-kira RM500 ribu.

Teknologi yang dalam proses pemfailan paten untuk bioteknologi itu turut dibantu oleh pelajar pasca graduan iaitu Nisha Nabir, Chong Haw Eong dan Zaliyatun Akhma Mat Yasin.



Foto: Marina Ismail

## Forensik Farmaseutikal dan Nutripro tarikan PRPI



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Wira Johari Baharum (tengah) melihat ayam yang diberi makanan penggalak Nutripro.

oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG, 27 Jul - Produk penyelidikan yang dinamakan Teknik Forensik Alam Sekitar Mengesan Sisa Farmaseutikal dalam Air merupakan antara tarikan pada Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) 2011 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, baru-baru ini.

Hasil inovasi daripada Penyelaras Kimia Alam Sekitar, Pencemaran Marin dan Kimia Forensik, UPM, Prof. Dr. Mohamad Pauzi Zakaria itu berupaya mengesan bahan pencemar yang dibuang ke dalam sungai atau laut yang terdiri daripada bahan penggunaan peribadi manusia seperti sabun mandi, pencuci muka dan ubat gigi.

"Sisa farmaseutikal yang mencemari air sungai dan laut hasil aktiviti seharian manusia seperti membasuh muka daripada bahan solekan memberi kesan kepada ekosistem hidupan laut dan juga kesihatan manusia.

"Ikan akan makan bahan-bahan ini dan ia akan terkumpul dalam lemak ikan. Apabila kita makan ikan yang tercemar dengan

farmaseutikal ini, ia secara tidak langsung memberi kesan buruk kepada manusia khususnya kanak-kanak," katanya.

Menurut beliau, kaedah mengesan sisa farmaseutikal yang terdapat dalam air sungai dan laut amat penting untuk diaplikasikan ke dalam negara memandangkan sisa farmaseutikal itu boleh membawa kesan buruk dalam jangka masa panjang.

"Hasil kajian mendapati penyumbang terbesar pencemaran sungai dan laut ialah bahan peribadi manusia. Pencemaran hasil daripada bahan ini boleh diatasi dengan kaedah penyulingan.

"Ketika ini, ia masih berada pada tahap terkawal dan kaedah ini bertujuan menambah pengetahuan kepada masyarakat bahawa setiap penggunaan barang berpotensi merosakkan khazanah bumi," ujarnya.

Keprihatinan Prof. Dr. Mohamad Pauzi terhadap alam sekitar telah melayakkannya memenangi lima pingat emas bagi kluster Penyelidikan Perhutanan dan Alam Sekitar.

Malah, beliau juga merupakan satu-satunya peserta yang memperoleh lima pingat

emas daripada 104 penerima anugerah pada Majlis Anugerah PRPI di sini.

Seramai 570 peserta telah mengambil bahagian dalam pameran itu dengan 104 peserta memenangi pingat emas, 184 pingat perak dan 177 gangsa.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAS).

Selain itu, hasil penyelidikan Prof. Madya Dr. Loh Teck Chewen dan Prof. Madya Dr. Foo Hooi Ling yang dinamakan Nutripro iaitu makanan penggalak tumbesaran ayam turut mencuri tumpuan pengunjung.

Produk itu dihasilkan bagi menggantikan antibiotik yang biasa digunakan penternak ayam bagi mempercepatkan tumbesaran ayam.

Mengulas kejayaan itu, Dr. Loh berkata keupayaan UPM menghasilkan produk inovasi itu membuktikan UPM peka terhadap isu keselamatan makanan yang memberi kesan jangka panjang ekoran penggunaan antibiotik selama ini.

## Sumber tenaga solar CPV dilancar



Foto: Noor Azreen Awang

Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG, 26 Ogos - Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan sumber tenaga solar yang menggunakan teknologi Concentration Photovoltaic (CPV) dalam usaha membudayakan amalan penggunaan tenaga berhemah di kampus.

Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata tenaga solar yang dibangunkan dengan kerjasama syarikat dari China, Sichuan Zhonghan Solar Electric Power Co. Ltd. (Zhonghan) itu menggunakan teknologi CPV yang dapat menentukan sistem yang paling sesuai dengan keadaan cuaca di negara ini.

"Projek ini adalah inisiatif UPM menyelidik sumber tenaga alternatif untuk meningkatkan tahap efisien dan kos efektif kapasiti teknologi sistem CPV dalam skala komersil serta membangunkan Loji Pengeluaran Tenaga Solar dengan kapasiti menjana dua megawatt tenaga elektrik.

"Projek perintis ini akan menilai keberkesanan sistem CPV selain dapat menentukan sistem yang paling sesuai dengan keadaan cuaca.

"Ia sejajar dengan komitmen UPM untuk memastikan kelestarian kehijauan kampus dan kecekapan penggunaan tenaga di kampus," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pelancaran yang disempurnakan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui baru-baru ini.

Turut hadir pada pelancaran itu Pengerusi Zhonghan, Mr. Liu Han.

Dato' Ir. Dr. Radin Umar berkata tenaga solar menggunakan teknologi CPV merupakan aplikasi terkini dan UPM merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi dari Asia termasuk 10 universiti terbaik di dunia yang menggunakan teknologi itu.

"Alat ini mampu mengurangkan bilangan panel Photovoltaic (PV) melalui penggunaan Contrator Glass pada kadar 50 peratus serta mengesan tahap maksima tenaga radiasi dan insulasi dari sumber matahari secara automatik," ujar beliau.

Beliau berkata, menerusi kerjasama itu, Zhonghan telah memasang 10 set sistem solar terdiri daripada enam set sistem reflective CPV with tracker, dua set sistem flat PV with tracker dan dua set sistem flat PV.

Projek solar CPV merupakan lanjutan daripada memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani Fakulti Kejuruteraan UPM dengan Zhonghan pada tahun lalu.

Zhonghan merupakan industri utama dalam pembangunan teknologi hijau serta mempunyai kepakaran dalam teknologi solar.



## Jabatan Biologi tingkat kesedaran awam konservasi Enggang



Oleh Syfarida Muhamad Zaki

SABAK BERNAM, 2 Julai - Sekumpulan pensyarah dan pelajar dari Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meningkatkan kesedaran awam terhadap konservasi burung enggang buat kali ketiga di Kampung Parit 13, Sungai Panjang.

Mereka mengadakan aktiviti pembangunan kepada penduduk kampung tentang apresiasi kepada burung enggang dan usaha pemuliharaan burung di kawasan itu.

Dengan keperihatinan terhadap pemuliharaan burung enggang, kelangsungan hidup spesies itu boleh ditonton oleh generasi akan datang dan boleh dijadikan daya tarikan aktiviti pelancongan di Malaysia.

Pengerusi program, Prof. Dr. Ahmad Ismail berkata kajian menunjukkan bahawa burung enggang di negara ini hampir pupus akibat kehilangan habitat semulajadi sehingga haiwan itu cuba beradaptasi dengan persekitaran manusia seperti sekarang.

"Tiga tahap program konservasi yang dilaksanakan ialah kajian ekologi burung dan interaksi dengan manusia, kempen kesedaran dan sokongan awam serta konservasi burung.

"Ini adalah aktiviti ketiga dalam usaha menambah bilangan burung yang terjejas populasinya di habitat semulajadi. Tanpa sokongan masyarakat, pemuliharaan enggang ini akan pupus," katanya.

Pelajar program master, Nurul Huda

Mohd Jamil berkata salah satu spesies burung enggang yang beradaptasi di kampung itu ialah Enggang Kelingking ataupun Southernpied Hornbill.

"Pada awalnya adaptasi burung ini memberi kesulitan kepada penduduk kampung kerana sering merosakkan hasil tanaman, bagaimanapun dengan adanya program ini, ia dapat menyuntik perasaan sayang terhadap haiwan ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Parit 13, Mohd Ariffin Enan berkata burung enggang menjalani kehidupan yang unik kerana ia menjadikan tempayan sebagai tempat berlindung dan bertelur.

"Burung enggang betina akan masuk ke dalam tempayan mengikut musim untuk bertelur dan mengambil masa selama tiga bulan untuk menetas.

"Burung enggang jantan pula akan menutup lubang tempayan dengan tanah dan meninggalkan sedikit ruang untuk memberi makan kepada burung enggang betina. Enggang betina tidak akan makan makanan yang diberikan oleh manusia selain enggang jantan," katanya.

Antara aktiviti lain yang dijalankan dalam program yang turut mendapat kerjasama Jabatan Perhilitan itu ialah pertandingan mewarna burung enggang untuk kanak-kanak, baling dart dan dam burung untuk ibubapa serta kuiz burung enggang kepada semua penduduk yang hadir.



Ketua Jabatan Sains Komputer FSKTM, Dr. Lilly Suriani Affendy (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Penolong Kanan SSP, Umi Nafiah Md Sirat.

## FSKTM, SSP Cyberjaya tingkat kemahiran ICT

Oleh Syfarida Muhamad Zaki

CYBERJAYA, 29 Jun - Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Program Seminar ICT di Sekolah Seri Puteri (SSP) iaitu sekolah kluster UPM (sekolah angkat) untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam bidang teknologi maklumat.

Ketua Jabatan Sains Komputer FSKTM, Dr. Lilly Suriani Affendy berkata usaha itu

dapat memberi pendedahan tentang etika dan keselamatan penggunaan media rangkaian sosial.

"SSP dipilih kerana statusnya sebagai Sekolah Kecemerlangan Kluster (SKK) UPM dalam program kesedaran teknologi maklumat selain merapatkan jaringan di antara pihak universiti dan komuniti luar," katanya.

Aktiviti dalam seminar ICT itu ialah "Etika Penggunaan Internet" oleh Dr. Fatimah Sidi dan "Keselamatan Penggunaan Internet" oleh Dr. Mohd. Taufik Abdullah.

Sementara itu, Penolong Kanan SSP, Umi Nafiah Md Sirat berkata penglibatan universiti menjalinkan hubungan dengan pihak sekolah amat bersesuaian pada masa kini selari dengan objektif SSP iaitu sekolah berprestij tinggi.

"Diharapkan, program ini akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa dan bukan sahaja melibatkan FSKTM sahaja tetapi dengan semua fakulti di UPM," katanya.

Seramai 800 peserta yang terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga 5 dan guru-guru SSP turut menyertai seminar itu.

## Bulan Putra Satria iktiraf staf akademik cemerlang

Oleh Syfarida Muhamad Zaki

SERDANG, 11 Julai - Bulan Putra Satria 2011, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung selama dua bulan menutup tirai dengan memberi pengiktirafan kepada staf akademiknya yang cemerlang.

Antara yang menerima anugerah ialah Profesor di Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din dan pensyarah jurusan undang-undang dari Fakulti Ekonomi, Prof. Madya Dr. Rozanah Ab. Rahman.

Kedua-dua mereka menerima Pingat Emas Anugerah Pengajaran Putra 2010 (APP10) bagi kategori Anugerah Pengajar Cemerlang.

Turut meraih Pingat Emas APP10, kategori Anugerah Pengajar Muda ialah Profesor daripada Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Dr. Goh Yong Meng dan Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan, Dr. Harlisya Harun.

Penerima Pingat Perak APP10, bagi kategori Anugerah Pengajar Cemerlang pula diraih oleh Dr. Chen Hui Cheng daripada Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Madya Dr. Mohd. Shatar Sabran (Fakulti Ekologi Manusia) dan Prof Madya Dr. Wahid Haron (Fakulti Perubatan Veterinar).

Pingat Perak APP10, bagi kategori Anugerah Pengajar Muda pula diraih oleh Dr. Zurina Zainuddin (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan), Dr. Hazilawati Hamzah (Fakulti Perubatan Veterinar) dan Dr. Syamsiah Mashohor (Fakulti Kejuruteraan).

Penerima Pingat Gangsa, APP10 bagi

kategori Anugerah Pengajar Cemerlang diraih oleh Dr. Norsida Man (Pusat Pengembangan Usahawan dan Pemajuan Profesional) dan Prof. Madya Dr. Abdulkarim Sabo Mohamed (Fakulti Sains dan Teknologi Makanan).

Pingat Gangsa APP10, kategori Anugerah Pengajar Muda pula diraih oleh Dr. Wan Zuharis Saad, Dr. Ong Kiat Huat, Dr. Khin Ohnmar Naing Nordin, Prof. Dr. Haslinda Abdullah Betsy dan Dr. Azrul Hazri Jantan.

Anugerah APP10 merupakan pengiktirafan kepada pegawai akademik yang menunjukkan kecemerlangan dan kreativiti yang tinggi dalam pengajaran di samping memartabatkan profesion akademik melalui anugerah pengajar cemerlang.

Pingat dan sijil disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Turut menerima Anugerah Pensyarah Pilihan ialah Prof. Madya Dr. Mohd. Ridzwan Abd. Halim daripada Fakulti Perhutanan, Dr. Kamziah Abd. Kudus (Fakulti Perhutanan), Prof. Dato' Tengku Azmi Tengku Ibrahim (Fakulti Perubatan Veterinar), Prof. Madya Dr. Rozanah Ab. Rahman (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan), Prof. Madya Dr. Rosnaini Mahmud (Fakulti Pengajian Pendidikan) dan Prof. Madya Dr. Zanariah Abd. Majid (Fakulti Sains).

Selain itu, Prof. Madya Dr. Muhammad Shahrin Ab. Karim (Fakulti Sains dan Teknologi Makanan), Dr. Mohd. Ibrani Shahrudin Adam Assim (Fakulti Ekologi Manusia), Dr. Adi Yusran Abdul Aziz (Fakulti Bahasa Moden dan

Komunikasi), Prof. Dr. Mustafa Kamal Mohd. Shariff (Fakulti Rekabentuk dan Senibina) dan Dr. Zurina Zainuddin (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan).

Lain-lain ialah Prof. Madya Dr. Hamidah Ibrahim (Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat), Prof. Dr. Mohd. Ali Hassan (Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul), Prof. Madya Dr. Mohd. Pauzi Zakaria (Fakulti Pengajian Alam Sekitar), Prof. Madya Dr. Osumanu Haruna Ahmad (Fakulti Sains Pertanian dan Makanan) dan Dr. Nor Fadzhilah Mohd. Mokhtar (Pusat Asasi Sains Pertanian).

Pada majlis yang sama, Profesor Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa, Prof. Dato' Dr. Sidek Baba turut diundang bagi menyampaikan Wacana Intelek Siri ke-26 bertajuk Integriti dalam Pembangunan Modal Insan.

Dalam wacana tersebut beliau mengupas mengenai asas modal insan iaitu prinsip dan keikhlasan yang perlu ada bagi golongan pendidik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bulan Satria Putra yang bermula 9 Mei hingga 7 Julai 2011 merupakan bulan pensyarah yang dianjurkan secara tahunan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UPM.

Program yang bertemakan Melestarikan Integriti Akademia itu bertujuan meraikan para pensyarah yang banyak menyumbang kepada kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran di UPM.



## Pelajar PASP sertai gotong royong perdana di Taman Sri Sentosa

Oleh Syfarida Muhamad Zaki

KUALA LUMPUR, 31 Julai - Seramai 100 pelajar Persatuan Asasi Sains Pertanian (PASP) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyertai program Gotong Royong Perdana untuk membersihkan kawasan persekitaran kediaman Taman Sri Sentosa.

Dalam program itu, pelajar PASP menanggalkan bunting dan banner haram, meneantas dan menebang dahan pokok, mengecat bahu jalan, mencuci longkang dan parit.

Mereka turut mengumpul dan membuang bahan lusuh dan perabot lama, memusnahkan tempat pembiakan tikus dan haiwan perosak

lain di kawasan penjaja serta menanam pokok. Naib Presiden PASP, Norafika Idris berkata

program kemasyarakatan itu terbahagi kepada 9 zon dimana pelajar UPM membersihkan zon G.

"Sebelum ini kami telah menyertai program banjir bagi membantu melaksanakan kerja kebajikan membantu kerja pembersihan penduduk di Johor," katanya.

Seorang lagi pelajar PASP, Ahmad Fahmi Yusoff berkata beliau meraih pengalaman yang berbeza berbanding program lain yang disertainya sebelum ini.

"Aktiviti pembersihan kali ini lebih mencabar kerana kawasan ini merupakan kawasan penjaja pasar. Sebelum ini kami

sering menyertai aktiviti kemasyarakatan di kawasan kampung," katanya.

Program dalam kalender Kempen Kebersihan Kuala Lumpur 2011 itu turut disertai penduduk Taman Sri Sentosa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, parti komponen Barisan Nasional kawasan Lembah Pantai, Alam Flora, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bomba dan Penyelamat, RELA dan Persatuan Penjaja Pasar Taman Sri Sentosa.

Program itu merupakan program penutup kepada projek mengecat dan baik pulih kerosakan yang siap dilaksanakan pada pertengahan tahun 2011 anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar itu.



# FPSK anjur program anak angkat Kem Kesihatan 1Malaysia

oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

Dari Gedung Ilmu ke Lapangan. Itu moto Program Anak Angkat, Kem Kesihatan 1Malaysia, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (FPSK UPM) sempena sambutan Karnival Kesihatan yang akan diadakan di Parlimen Pagoh pada 30 Julai ini.

Menariknya, selain penglibatan pensyarah dan pakar-pakar perubatan daripada FPSK UPM, program ini turut menggabungkan idea dan kreativiti pelajar-pelajar perubatan dan sains kesihatan tahun tiga dan empat daripada fakulti itu dalam menjalankan perkhidmatan perubatan kepada masyarakat luar bandar.

Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan oleh FPSK UPM sepanjang kempen itu antaranya ceramah berkaitan kesihatan, kerjaya, motivasi, kuiz mencipta poster, mengarang esei mengenai kesihatan, pertandingan mewarna dan sukaneka untuk kanak-kanak, pertandingan futsal, sepakraga bulatan, pertandingan memasak

serta gubahan bagi wanita dan juga program saringan kesihatan.

Sebagai langkah persediaan, program anak angkat fasa pertama telah dijalankan dalam bulan Mei yang lalu dengan melibatkan seramai 70 orang pelajar Perubatan tahun tiga. Pelajar-pelajar telah menghabiskan sebahagian dari cuti semester mereka dengan menjadi anak angkat sambil menjalankan survei penyelidikan perubatan untuk menentukan profil kesihatan masyarakat dalam Mukim Gersik dan Bukit Serampang iaitu diantara mukim-mukim yang terletak di dalam kawasan Parlimen Pagoh.

Penemuan awal kajian di bulan Mei yang menunjukkan masyarakat kampung mengalami berbagai masalah kronik seperti darah tinggi, kencing manis serta masalah berat badan di samping mempunyai kesedaran yang rendah terhadap pencegahan kanser wanita serta bahaya merokok kepada perokok dan asap rokok kepada orang yang tidak merokok, telah di jadikan asas perancangan kem kesihatan seterusnya.

Fasa kedua pula dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan Anak Angkat yang membawa ibubapa angkat dan 4-5 keluarga lain iaitu jiran keluarga angkat mereka ke kem kesihatan yang telah di adakan pada 16 & 17 dan 23 & 24 Julai 2011 yang meliputi lebih dari 15 buah kampung sekitar Pekan Gersik dan Kundang Ulu. Menyedari kepentingan saringan awal di kalangan remaja mengenai penyakit darah secara keturunan seperti Thalasemia, satu kempen kesedaran Thalasemia telah di adakan pada 17 Julai 2011 yang melibatkan 100 pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima Sekolah Menengah Agama Shamsuddiniah Parit Medan. Kempen kesedaran ini telah mendapat reaksi memberangsangkan dimana seramai 200 pelajar dan guru sekolah tersebut telah menjalani ujian darah yang di jalankan pada 23 Julai 2011 yang lalu. Keputusan awal pemeriksaan darah serta kaunseling penyakit Thalasemia ini akan di adakan pada 30 Julai 2011 di ruang pameran UPM yang akan disediakan di tapak Karnival Kesihatan di Kompleks Sukan Pagoh. Majlis ini disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pengarah program, Prof. Dr. Latiffah A. Latiff berkata program anak angkat itu bertujuan membuka peluang kepada masyarakat setempat mengemuka masalah kesihatan selain membentuk masyarakat



Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

yang sihat dan prihatin terhadap penjagaan kesihatan. Hubungan silaturrahim yang wujud di kalangan pelajar perubatan anak angkat dengan keluarga angkat berbagai keturunan dan bangsa selaras dengan konsep 1 MALAYSIA ini diharap dapat berkekalan sepanjang hayat.

"Apa yang lebih penting kita mahu memperkasakan penglibatan FPSK UPM dalam komuniti dengan menjalankan perkhidmatan perubatan kepada masyarakat luar bandar selaras dengan misi Masyarakat Sihat 1Malaysia. Seramai 120 orang pelajar-pelajar perubatan yang di selia oleh 20 dari sejumlah 101 orang Pakar-pakar klinikal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dari berbagai jurusan seperti Perubatan umum dan Perubatan Keluarga, Ortopedik (tulang&sendi), Neurologi (sistem saraf), Nefrologi (sistem perkumuhan seperti buah pinggang), Pediatrik (kanak-kanak), Obstetrik dan Ginekologi (Perbidanan dan sakit puan), Radiologi (Pengimejan diagnostik) dan Perubatan Kesihatan Masyarakat serta di bantu oleh 18 orang jururawat, telah menawarkan berbagai perkhidmatan saringan kesihatan, perundingan, kaunseling dan rujukan secara percuma," katanya.

Menurut beliau dengan penglibatan FPSK UPM dalam komuniti, ia dapat mempromosikan fakulti itu yang telah melahirkan 809 orang doktor perubatan dari sepuluh batch di negara ini semenjak penubuhannya pada tahun 1996 yang lalu, selain memberi pendedahan kepada bakal doktor perubatan UPM menimba pengalaman berinteraksi dengan masyarakat pelbagai bangsa dan ragam.

"Masyarakat setempat boleh memanfaatkan peluang ini untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan secara percuma di samping mendapat khidmat-khidmat nasihat pakar perubatan daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM. Orang

ramai juga boleh menggunakan peluang ini untuk menambah ilmu pengetahuan tentang kesihatan melalui pameran dan demonstrasi mengenai penyakit berkaitan gaya hidup seperti hipertensi (tekanan darah tinggi), diabetes, kesan rokok dan obesiti kepada kesihatan serta, kanser payudara dan serviks (pangkal rahim)" ujarnya.

Prof. Dr. Latiffah menambah, seramai 64 kakitangan akademik dan sokongan bergabung dengan 120 pelajar perubatan UPM dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat yang turut melibatkan kerjasama Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Pejabat Kesihatan dan Pejabat Daerah Ledang, Majlis Daerah Tangkak, Sekolah Menengah Agama Shamsuddiniah Kundang Ulu, Syarikat Perladangan Peserta Kundang Sdn Bhd, KEMAS Bahagian Ledang, RELA dan UMNO Cawangan Parit Medan.

Program anak angkat itu menurutnya diadakan secara tiga peringkat iaitu 16 dan 17 Julai di Kompleks Penghulu Grisek, 23 dan 24 Julai secara serentak di Dewan Serbaguna Kundang Ulu serta Dewan Terbuka Perladangan Peserta Felcra Kundang Ulu dan acara kemuncak pada 30 Julai iaitu Majlis Pelancaran Program Kesihatan dan Doktor Masuk Kampung yang akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Ahli Parlimen Pagoh.

Program itu juga turut melibatkan beberapa buah kampung dan taman perumahan yang dijadikan kampung angkat seperti Kg. Ujong Tambak, Kg. Pt Medan, Kg. Sg. Sendok, Kg. Pt. Tepi, Kg. Baru Gersek, Kg. Pt. Simpang, Kg. Pt. Raja, Kg. Pt. Sawah, Kg. Bkt. Rahmat, Kg. Tiong Baru, Kg. Pt. Surau, Kg. Pt. Pelampung, Kg. Pt. Tunggul, Kg. Penchu, Pekan Kundang Ulu, Kg. Melayu Kundang Ulu, Taman Bakri Kundang Ulu, Taman Wijaya Gersik dan kuarters Syarikat Perladangan Peserta Kundang Sdn Bhd.



Dekan FPSK, prof. Dr. Norlijah Othman (tengah) memberikan penerangan kepada TPM, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang berminat mengunjungi lot pameran UPM.

## Pelajar K16 berbakti di Lumut



LUMUT, 24 Ogos – Kolej 16, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM 2011) di Kampung Padang Tembak/Teluk Muruh, Lumut, Perak, baru-baru ini.

Pengetua Kolej 16, Dr. Paiman Bawon berkata, program bertemakan 'Jauh Perjalanan, Sejuta Kenangan' yang disertai oleh 48 pelajar itu bertujuan memberi peluang kepada mereka menyelami kehidupan seharian masyarakat di kawasan itu.

Selain itu menurut beliau, OPKIM 2011 juga bertujuan meningkatkan kemahiran insaniah terutama berkomunikasi, semangat kerja berkumpulan, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar.

"Program ini merupakan kali ketiga selepas dianjurkan pada tahun 2008 di Kemaman, Terengganu dan 2009 di Panchor, Muar, Johor. Sepanjang lima hari program ini dijalankan pelajar dapat membina hubungan dengan keluarga angkat selain terlibat dengan pelbagai aktiviti menarik," katanya.

"Pada hari pertama, pelajar berpeluang melawat ke Kem Tentera Laut Diraja Malaysia Lumut dan memperoleh banyak pengetahuan tentang peranan dan tugas pasukan beruniform itu.

"Pelajar juga berpeluang mengadakan gotong royong bersama penduduk kampung termasuk menanam pokok," katanya.

Dr. Paiman berkata, aktiviti-aktiviti lain

yang dijalankan termasuk majlis kenduri cukur jambul dan berendoi, sukaneka, mendaki Bukit Ungku Busu dan mengadakan motivasi pelajar kepada pelajar sekolah rendah.

Menurutnya lagi, pelajar turut berpeluang beramah mesra dengan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir yang hadir pada majlis 'Malam Sejuta Kenangan' pada hari terakhir program.

"Kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Pejabat Menteri Besar Perak, Aquamarine Sdn. Bhd, Majlis Agama Islam Perak, dan JKKK Kg Padang Tembak/Teluk Muruh telah melancarkan perjalanan program ini dan sekaligus dapat mencapai objektif yang telah disasarkan," katanya.

### EDITORIAL TRIBUN PUTRA 2011

**Ketua Editorial Eksekutif**  
Prof. Madya Dr. Shameem Mohd. Rafik Khan  
Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz

**Timbalan Ketua Editor Eksekutif**  
Abdullah Arshad

**Ketua Editor**  
Khairul Anuar Muhamad Noh

**Editor Bahasa Inggeris**  
Indrani Rama Chandran

**Penolong Editor**  
Noor Eszereen Juferi  
Mohd Fikrie Azlan (praktikal)

**Pemberita**  
Noor Eszereen Juferi  
Mohd Faisal Md Noor  
Mohd Martin Abdul Kahar  
Syifarida Muhammad Zaki  
Shanmugan Satyanarain (praktikal)  
Syed Muhammad Azlan (praktikal)  
Che Roslan Che Rosdi (praktikal)

**Pentadbiran & ISO**  
Nor Azizah Sabirin

**Penulis Bersekutu**  
Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin  
Dr. Amini Amir Abdullah  
Mohd Nazri Yasin

**Jurufoto**  
Marina Ismail  
Noor Azreen Awang  
Mohd Hasrul Hamdan

**Konsep**  
Khairul Anuar Muhamad Noh

**Penyelenggara Online**  
Mohd Mazlimin Omar

**Pemasaran**  
Kamarul Abu Bakar  
Erwan Kasmungi

Tribun Putra diterbitkan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat di samping

pelbagai rencana, berita, laporan semasa berkaitan bidang pendidikan dan penyelidikan negara.

Surat menyurat dan kiriman artikel/berita/rencana hendaklah di alamatkan kepada:  
Editor Tribun Putra  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor

**Telefon:** 03-89466013  
**Faksimili:** 03-89422609  
**Emel:** khal.upm@gmail.com



## MPP UPM

Oleh Rahmawati Nurdin (MPP UPM)  
Timbalan Naib Yang Dipertua Media dan Perhubungan

## Kembara Bakti jelajah IPTA

SERDANG - Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPP UPM) telah menganjurkan Program Kembara Bakti Jelajah IPTA (fasa 1) pada 24 Julai sehingga 30 Julai lalu.

Kembara Bakti ini yang melibatkan lima buah universiti dari Pantai Timur dan Utara tanah air iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) bertujuan untuk berkongsi pandangan serta pendapat dalam pelbagai aspek, khasnya aspek kebajikan pelajar.

Selain itu, MPP UPM turut sama menabur bakti melalui aktiviti gotong-royong di Asrama Anak Yatim Darul Falah, Terengganu dan program motivasi bersama pelajar-pelajar dari Tingkatan 3 dan 5 di SMK Hutan Kampung, Alor Setar, Kedah.

Menurut pengarah program, Rahmawati Nurdin, kembara itu merupakan satu platform kepada MPP

UPM dan rakan MPP dari universiti lain untuk saling bertukar-tukar pendapat dan idea yang bermanfaat untuk diaplikasikan di universiti masing-masing.

Tambah beliau lagi, usaha mendekatkan diri kepada masyarakat juga menjadi salah satu intipati dalam kembara ini.

Muhammad Arif Baba, Naib Yang Dipertua MPP UPM berpendapat, kembara ini dapat meningkatkan tahap mentaliti dan kredibiliti MPP UPM di mana ia berpeluang untuk berdiskusi bersama pemimpin-pemimpin mahasiswa universiti lain dalam membincangkan beberapa isu pada peringkat kampus dan global.

"Di samping itu, kami juga menyumbangkan bakti dalam membantu masyarakat luar khususnya anak-anak yatim dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat seperti gotong-royong dan motivasi kepada pelajar sekolah," katanya.

Program kembara ini yang telah berlangsung selama enam hari sedikit sebanyak dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kepada semua MPP yang terlibat.



MBENTUKAN PARLI  
PERINGKAT IPTA

MPP UPM yang mengikuti Program Kembara Bakti Jelajah IPTA.

Ke arah penubuhan  
Parlimen Mahasiswa

PULAU PINANG - Seramai empat orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) 2011 telah menghadiri Konvensyen Pembentukan Parlimen Mahasiswa Peringkat IPTA dan Nasional pada 19 - 22 Mei lalu.

Konvensyen ini dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar USM dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Seramai lebih seratus orang pemimpin-pemimpin mahasiswa daripada 18 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia telah menghadiri konvensyen tersebut.

Yang Dipertua MPP USM, Muhammad Idzuan Jamalluddin berkata, penganjuran konvensyen tersebut bertujuan untuk menyahut seruan Dato' Seri Khaled Nordin untuk menubuhkan parlimen mahasiswa nasional yang memerlukan sekurang-kurangnya 80 peratus IPTA menubuhkan parlimen di universiti seluruh Malaysia.

Menurut beliau lagi, konvensyen ini juga menjadi wadah untuk mahasiswa melontarkan pandangan dan pendapat dengan cara yang sihat disamping mewujudkan identiti mahasiswa sendiri.

Beliau turut berharap agar semua IPTA menggerakkan penubuhan parlimen mahasiswa di Universiti masing-masing sekali gus bersama-sama dalam membentuk Parlimen Mahasiswa Nasional.

Yang Di Pertua MPP UPM, Iqbal Ismat Nordin turut menyokong pembentukan parlimen mahasiswa di UPM dan menjadi penggerak utama dalam merealisasikan hasrat tersebut.

Menurut beliau, Parlimen Mahasiswa ini merupakan satu mekanisma yang menjadi wadah dalam menyuarakan pendapat dan pandangan mahasiswa terhadap pelbagai aspek yang bukan sahaja berfokus semata-mata mengenai isu dalam kampus, bahkan membuka mata dan minda mahasiswa untuk berfikir dan memberi pandangan tentang isu-isu yang berlaku dalam negara serta global.

Iqbal bentang isu kecukupan  
bekalan makanan

YDP MPP UPM, Iqbal Ismat ditemuramah pemberita.

KUALA LUMPUR, 3 JUN - Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Iqbal Ismat Nordin telah membentangkan kertas kerja yang berkaitan dengan isu Kecukupan Bekalan Makanan di Malaysia dan Bagaimana Malaysia Tidak Lagi Bergantung Kepada Negara Luar Bagi Makanan Rakyat pada Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang telah berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Beliau berpendapat sememangnya isu itu perlu diambil berat memandangkan ia berkaitan dengan bekalan makanan harian rakyat seperti beras yang sememangnya menjadi 100 peratus keperluan dan kepentingan rakyat.

Tambah beliau lagi, beras yang merupakan makanan ruji rakyat Malaysia perlu ditingkatkan lagi produktiviti

agar tidak terlalu bergantung kepada negara luar.

Beliau berharap krisis makanan yang pernah melanda negara pada tahun 2008 tidak akan berulang semula kerana sekiranya perkara itu berlaku, ia akan menimbulkan impak yang negatif bukan sahaja kepada negara tetapi kepada rakyat.

Sebanyak lima buah kertas kerja dibentangkan pada mesyuarat MPPK kali ini, yang dihadiri oleh lebih 100 orang pemimpin mahasiswa di seluruh IPTA dan 10 buah IPTS.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin memberi jaminan bahawa segala pandangan yang dikemukakan oleh pemimpin mahasiswa akan terus diberikan yang sewajarnya oleh kerajaan.

Earth Hour pupuk pelajar  
hargai alam sekitar

SERDANG - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama International Students Associations (ISA UPM) telah menganjurkan sambutan Earth Hour buat pertama kalinya di UPM.

Sambutan Earth Hour ini dihadiri hampir seratus orang pelajar UPM yang terdiri daripada latar belakang akademik, sosial, agama dan negara yang berbeza.

Program ini bertujuan untuk menyokong sambutan Earth Hour di seluruh dunia, disamping menjadi platform bagi memupuk kesedaran dalam diri pelajar terhadap kepentingan memelihara alam sekitar.

Pelajar Falsafah Kedokteran dalam bidang pertanian, Myint Thu Zar yang berasal dari Myanmar berkata,

sambutan Earth Hour pada malam ini merupakan satu sambutan yang hebat, menarik serta tersusun dengan baik dan MPP UPM perlu menjadikannya salah satu program tahunan bagi memupuk kesedaran dalam diri pelajar.

Pelajar Bachelor Sains Pengajian Makanan tahun kedua Nur Intan Syafinah berkata, program ini dapat memberi kesedaran kepada semua pelajar menghargai dan menyayangi bumi yang semakin binasa agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Majoriti peserta yang menghadiri program ini berpuas hati dan memberi komen yang positif terhadap program tersebut.

Sains Pertanian dan Makanan yang terletak di kampus UPM Bintulu, Sarawak seramai 68 orang.

Pada sesi pendaftaran pelajar baharu kali ini turut menyaksikan graduan kurang upaya (OKU) Suhazli Muhammad yang cacat pada kaki dan tangan sejak lahir melanjutkan pengajiannya dalam Bachelor Sains Komputer - pengkhususan Multimedia berazam untuk menggapai impiannya untuk menjadi penerbit filem animasi.

"Saya berazam untuk mengubah nasib diri dan tidak sabar untuk memulakan pengajian di UPM. Kekurangan pada diri saya menjadi kekuatan untuk membangunkan diri sendiri," katanya.

## &gt; DARI MUKA DEPAN

dan Majlis Ikrar pada 9 September lalu.

Fakulti Pertanian mencatatkan pendaftaran pelajar baharu seramai 249 diikuti Fakulti Perhutanan (144), Fakulti Perubatan Veterinar (54), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (305), Fakulti Kejuruteraan (386), Fakulti Pengajian Pendidikan (288), Fakulti Sains (424), Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (74), Fakulti Ekologi Manusia (201), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (375), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (303), Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina (99), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (188), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (178), Fakulti Pengajian Alam Sekitar (102) dan Fakulti





# MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TAHUN 2011 "SATU PERJUANGAN, SATU HARAPAN"

## MAJLIS TERTINGGI

### YANG DIPERTUA



**IQBAL ISMAT BIN NORDIN**  
BAC. SAINS (PEMBANGUNAN MANUSIA & PENGURUSAN)  
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA  
iqbal\_mppupm2011@yahoo.com

### NAIB YANG DIPERTUA



**MUHAMMAD ARIF BIN BABA**  
BAC. SENIRINA LANDSKAP  
FAKULTI REKABENTUK & SENIRINA  
arifbaba\_mppupm2011@yahoo.com

### SETIAUSAHA



**ROSLINA BINTI JAPAR**  
BAC. KEJURUTERAAN (KIMIA)  
FAKULTI KEJURUTERAAN  
roslina\_mppupm2011@yahoo.com

### BENDAHARI



**LING LI KEAT**  
BAC. SAINS (PEMAKANAN & KESIHATAN KOMUNITI)  
FAKULTI PERUBATAN & SAINS KESIHATAN  
keat\_mppupm2011@yahoo.com

### TIMBALAN SETIAUSAHA I



**NUR SILA BINTI AHMAD NAHAR**  
BAC. SAINS HORTIKULTUR  
FAKULTI PERTANIAN  
nursila\_mppupm2011@yahoo.com

### TIMBALAN SETIAUSAHA II



**TAN BEE FEN**  
BAC. PENTADBIRAN PERNIAGAAN  
FAKULTI EKONOMI & PENGURUSAN  
tanbfeen\_mppupm2011@yahoo.com

## TIMBALAN NAIB YANG DIPERTUA

### KEBAJIKAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR



**AHMAD BUKHARI BIN A. RAHIM**  
BAC. SAINS & TEKNOLOGI ALAM SEKITAR  
FAKULTI PENGALAMAN ALAM SEKITAR  
bukhari\_mppupm2011@yahoo.com

### AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN



**NG BENG TIEW**  
BAC. SAINS (PERNIAGAAN TANI)  
FAKULTI PERTANIAN  
beng\_mppupm2011@yahoo.com

### HAL EHVAL PELAJAR KAMPUS BINTULU



**MOHD KHAIRULAMIN BIN MD TAHA**  
BAC. SAINS BIOINDUSTRI  
FAKULTI SAINS PERTANIAN & MAKANAN  
khairulamin\_mppupm2011@yahoo.com

### MEDIA DAN PERHUBUNGAN



**RAHMAWATI BINTI NURDIN**  
BAC. KOMUNIKASI (KEWARIAWANAAN)  
FAKULTI BAHASA MODEN & KOMUNIKASI  
rahmawati\_mppupm2011@yahoo.com

### SISWAZAH DAN ANTARABANGSA



**SHOW PAU LOKE**  
MASTER KEJURUTERAAN BIOPROSES  
FAKULTI KEJURUTERAAN  
show\_mppupm2011@yahoo.com

## EXCO SEKRETARIAT

### PENERANGAN DAN PENERBITAN



**MOHD ADIB BIN MOHD KHALID**  
BAC. SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN)  
FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT  
adibkhalid\_mppupm2011@yahoo.com

### KEROHANIAN DAN PERPADUAN



**NUR SYAHIRAH BINTI MOHD TAHAR**  
DOKTOR PERUBATAN VETERINAR  
FAKULTI PERUBATAN VETERINAR  
nursyahirah\_mppupm2011@yahoo.com

### KEBAJIKAN PELAJAR



**HOR MING JAI**  
BAC. PENDIDIKAN (PEND. JASMANI)  
FAKULTI PENGALAMAN ALAM SEKITAR  
mingjai\_mppupm2011@yahoo.com

### NUR HASANAH BINTI HAMZAN

BAC. SAINS (PEMB. MANUSIA & TEKN. MAKLUMAT)  
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA  
hasanah\_mppupm2011@yahoo.com

### KHOR WEN JIE

BAC. SAINS (KEPUJIAN) STATISTIK  
FAKULTI SAINS  
wenjie\_mppupm2011@yahoo.com

### JOANNE CH'NG YU ROU

BAC. SAINS (KEPUJIAN) MIKROBIOLOGI  
FAKULTI BIO TEKNOLOGI & SAINS BIOMOLEKUL  
joanne\_mppupm2011@yahoo.com

### CHONG JING HAN

BAC. KEJURUTERAAN (AWAM)  
FAKULTI KEJURUTERAAN  
jinghan\_mppupm2011@yahoo.com

### YOHANA BINTI MASROL

BAC. SAINS (KEPUJIAN) BIOKIMIA  
FAKULTI BIO TEKNOLOGI & SAINS BIOMOLEKUL  
yohana\_mppupm2011@yahoo.com

### PEMBANGUNAN INSANIAH DAN AKTIVITI PELAJAR



**MOHD FAUZAN BIN MISRON**  
BAC. SAINS PERHUTANAN  
FAKULTI PERHUTANAN  
fauzan\_mppupm2011@yahoo.com

### KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN LUAR



**MUHAMMAD ARIF BIN ZAINUDIN**  
BAC. KOMUNIKASI (KOMUNIKASI KORPORAT)  
FAKULTI BAHASA MODEN & KOMUNIKASI  
arifzainudin\_mppupm2011@yahoo.com

### HAL EHVAL AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN KERJAYA



**PHUA SHIK WEI**  
BAC. PENTADBIRAN PERNIAGAAN  
FAKULTI EKONOMI & PENGURUSAN  
ariesphua\_mppupm2011@yahoo.com

### SITI SYAZA SYAHIRAH BINTI MOHD RAZALI

BAC. SENIRINA LANDSKAP  
FAKULTI REKABENTUK & SENIRINA  
syazasyahirah\_mppupm2011@yahoo.com

### ASMAA' BINTI MOHD SUJAK

BAC. SAINS KOMPUTER (RANGKAIAN)  
FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT  
asmaasajak\_mppupm2011@yahoo.com

### ZAFRAN KHALIS BIN MOKHTAR AZIZI

BAC. KEJURUTERAAN (ELEKTRIKAL & ELEKTRONIK)  
FAKULTI KEJURUTERAAN  
zafrankhalis\_mppupm2011@yahoo.com

### MUHAMMAD HAFIZ BIN MOHD SAAD

BAC. SAINS (PENGALAMAN MAKANAN)  
FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI MAKANAN  
hafiz\_mppupm2011@yahoo.com

### ALAM SEKITAR DAN PEMBANGUNAN LESTARI



**AMIZA SHAYEEDA BINTI AHMAD MISBAH**  
BAC. SAINS & TEKNOLOGI ALAM SEKITAR  
FAKULTI PENGALAMAN ALAM SEKITAR  
amiza\_mppupm2011@yahoo.com

### KEUSAHAWANAN



**LIM SHIN ONG**  
BAC. SAINS (KEPUJIAN) SAINS INSTRUMENTASI  
FAKULTI SAINS  
shinong\_mppupm2011@yahoo.com

### PEMANTAUAN KUALITI DAN IMPLEMENTASI



**MOHAMMAD RASALI BIN MUNTA**  
BAC. SAINS PERHUTANAN  
FAKULTI PERHUTANAN  
rasali\_mppupm2011@yahoo.com

### KHAIRUNISAK BINTI HJ BAKRI

BAC. PENDIDIKAN (BIMBINGAN & KALINSELING)  
FAKULTI PENGALAMAN ALAM SEKITAR  
nisak\_mppupm2011@yahoo.com

### MOHD SUFIYAN BIN MOHAMED NOR

BAC. SAINS (PERNIAGAAN IANI)  
FAKULTI PERTANIAN  
sufiyan\_mppupm2011@yahoo.com

### MUHAMMAD SYAFIQ BIN ASHARI

BAC. SAINS (KEPUJIAN) KIMIA PETROLEUM  
FAKULTI SAINS  
syafiq\_mppupm2011@yahoo.com

### NUR ATIQA BINTI MOHD ISA

BAC. SAINS & TEKNOLOGI MAKANAN  
FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI MAKANAN  
nuratiqa\_mppupm2011@yahoo.com

### PENGURUSAN SISWAZAH DAN ANTARABANGSA



**WAN IBRAHIM BIN WAN HASSAN**  
MASTER SAINS (GENETIK TUMBUHAN & HAIWAN)  
FAKULTI SAINS  
wanibrahim\_mppupm2011@yahoo.com

### MUHAMMAD AMIRUDDIN BIN HASSAN

BAC. SAINS (KEPUJIAN) BIOLOGI  
FAKULTI SAINS  
amiruddin\_mppupm2011@yahoo.com

### KEBAJIKAN PELAJAR KAMPUS BINTULU



**SUBASINI ANAMULAI**  
DIPLOMA PERHUTANAN  
FAKULTI SAINS PERTANIAN & MAKANAN  
suba\_mppupm2011@yahoo.com



**TING HUI LAN**  
MASTER PENTADBIRAN PERNIAGAAN  
SEKOLAH PENGALAMAN SISWAZAH PENGURUSAN  
hulan.ting\_mppupm2011@yahoo.com

### SYAHIRAH BINTI HATTA

BAC. SAINS (KEPUJIAN) PERINDUSTRIAN KIMIA  
FAKULTI SAINS  
syahirahhatta\_mppupm2011@yahoo.com

### LAW WIN CHING

MASTER PENTADBIRAN PERNIAGAAN  
SEKOLAH PENGALAMAN SISWAZAH PENGURUSAN  
winching\_mppupm2011@yahoo.com

Pejabat Majlis Perwakilan Pelajar  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor

FAX : +6 03-8942 6472  
BLOG : <http://mppupm.wordpress.com>  
EMAIL : [mppupm2011@yahoo.com](mailto:mppupm2011@yahoo.com)





## K2 anjur Program Pemantapan Organisasi

Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

PULAU PANGKOR – Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) Kolej Kedua, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Pemantapan Organisasi : Ke Arah Kepemimpinan Sinergi 2011/2012 di Kampung Teluk Kecil, Pulau Pangkor baru-baru ini.

Pengarah program, Norafilah Md. Hussin berkata program yang mendapat kerjasama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pangkor dan Kementerian Pelajaran itu bertujuan mendedahkan mahasiswa mengenai tanggungjawab sosial selain mempraktikkan kemahiran insaniah.

"Program ini merangkumi dua aktiviti iaitu SumbangKasih Siswa yang membolehkan pelajar menyelami cara hidup masyarakat perkampungan nelayan. Selain itu kita mengadakan program motivasi kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pangkor yang bakal menduduki Sijil

Peperiksaan Malaysia (SPM)," katanya.

Norafilah berkata Sumbang KasihSiswa melibatkan pelajar UPM dengan aktiviti gotong-royong membersihkan surau, menyampaikan sumbangan kepada warga tua, orang kurang upaya, ibu tunggal dan penduduk kurang berkemampuan.

Pelajar UPM turut berpeluang menyertai aktiviti bersama masyarakat termasuk sukan rakyat dan malam persembahan kebudayaan.

Dalam program motivasi, beliau berkata pelajar sekolah didedahkan dengan bahaya masalah sosial termasuk ketagihan merokok, gejala rempit, buang bayi dan penyalahgunaan dadah.

"Motivasi ini bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan menjaga adab dan tatasusila sebagai warga pelapis rakyat Malaysia," katanya.



Foto : Noor Azreen Awang

## Tuanku Canselor anugerah 11 pegawai kadet terbaik PALAPES

Oleh Mohd Faisal Md Noor

SERDANG, 30 Julai - Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan anugerah terbaik kepada 11 pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UPM pada Majlis Santapan Malam Rejimental 2011.

Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan (kategori Tentera Darat) dianugerahkan kepada Lt. Muda Mohd Firdaus Nizamuddin dan Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan (Laut) dianugerahkan kepada Lt. Muda Nadzirah Zainal Abidin PSSTLDM.

Bagi kategori Pegawai Kadet Lelaki Terbaik ialah Lt. Muda Edie Putra Md Yusof, kategori Pegawai Kadet Kanan Lelaki Terbaik ialah Lt. Muda Majdi Khalil Ahmad Puhad PSSTLDM, Pegawai Kadet Wanita Terbaik ialah Lt. Muda Maziah Mahtar, Pegawai Kadet Kanan Wanita Terbaik ialah Lt. Muda Nor Alehan Anas PSSTLDM, Pegawai Kadet Akademik Terbaik (Darat) ialah Lt. Muda Siti Farah Wahida Ahmad Hari, Pegawai Kadet Kanan Akademik Terbaik (Laut) ialah Lt. Muda Raznizal Razali PSSTLDM, Pengajian Ketenteraan Terbaik (Darat) ialah Lt. Muda Ahmad

Arifuddin Shafri, Pengajian Ketenteraan Terbaik (Laut) ialah Lt. Muda Atiyah Wan Mohd Sham PSSTLDM dan Penembak Terbaik ialah Lt. Muda Muhammad Ikhwani Abd Ghani.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berharap pegawai muda PALAPES UPM akan memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi semasa menjalani latihan selepas bergraduasi.

"Dalam meniti arus globalisasi yang semakin mencabar, mahasiswa harus mampu bersaing dalam menghadapi segala rintangan dan cabaran," katanya.

Malam Rejimental kali ke 30 meraihan pegawai muda yang baru ditauliahkan sempena Istiadat Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada 9 Julai 2011 yang lalu.

Pada majlis itu, Majalah Gempur Edisi ke-19 sesi 2010/2011 yang memaparkan profil dan aktiviti tahunan PALAPES UPM turut dilancarkan oleh Baginda.



Foto : Noor Azreen Awang

## Majlis Keunggulan Mahasiswa K16 Bertemakan 'Retro Night'

Oleh Noor Ezzeeren Juferi

SERI KEMBANGAN – Majlis yang meraihan 112 pelajar tahun akhir Kolej 16 telah diadakan di Dewan Perdana, Hotel Nouvelle, Seri Kembangan dengan bertemakan 'Retro Night'.

Majlis yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan, turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Alumni), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Pengetua Kolej 16, Dr. Paiman Bawon.

Anugerah tertinggi kolej itu iaitu Anugerah Perintis Keunggulan diberikan kepada Mohd Huzaifah Mohd Arif yang merupakan pelajar yang memberi impak kepada kolej dari segi pembangunan kolej dan sahsiah pelajar.

Kejayaan beliau memperoleh CGPA 3.00 ke atas serta memberi sokongan dan memegang jawatan dalam apa jua program yang diadakan, melayakkan beliau untuk memenangi anugerah itu.

Sementara itu, Anugerah Setia Bakti diberikan kepada Siti Norhijrah Abd Rahman, Anugerah Akademik Terbaik, Chai We Jin dan Anugerah Sukan oleh Nurul Fazilah Razman.

Hadirin disajikan dengan hidangan ala muhibbah serta persembahan tarian dan nyanyian bertemakan retro daripada pelajar Kolej 16.

Kolej 16 ditubuhkan pada 1 Jun 2006 dan mempunyai 740 pelajar yang menginap di kolej itu.

## Separuh graduan MCMF dapat pekerjaan

Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG, 11 Julai – Sekurang-kurangnya separuh daripada 263 graduan yang menjalani sesi latihan MyCareer MyFuture anjuran Pusat Penempatan Kerjaya, Universiti Putra Malaysia (CPC-UPM) bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan My-Partners Sdn. Bhd (My-Partners) berjaya mendapat pekerjaan selepas menamatkan sesi latihan.

Pengarah CPC-UPM, Dr. Che An Abdul Ghani berkata kesemua mereka mendapat pekerjaan di 15 buah syarikat terkemuka antaranya Maybank, 7-Eleven (M) Sdn. Bhd, Chicken Rice Shop, Megasteel Sdn. Bhd dan Shushi King Sdn. Bhd.

"MCMF berjaya memendekkan masa pengangguran graduan apabila dianggarkan lebih daripada separuh graduan yang mengikuti kursus pendek ini berjaya melepasi temuduga pada career fair yang diadakan selama dua hari selepas majlis konvokesyen MCMF," katanya.

Menurut beliau, susulan daripada kejayaan itu, My-Partners sebagai sebuah syarikat konsultasi pekerjaan berminat untuk bekerjasama dengan UPM berkaitan penempatan pekerjaan kepada graduan pada masa akan datang.

"Kami amat berbangga kerana dapat menjalin kerjasama dengan agensi luar dalam mendukung aspirasi UPM untuk menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan kebolehpasaran graduan," katanya.

Beliau berharap, program itu dapat diteruskan supaya boleh mengurangkan pengangguran siswazah selain meningkatkan bekalan tenaga kerja yang berkualiti tinggi dan mengurangkan permintaan dan pergantungan kepada pekerja asing.

MCMF telah diadakan selama enam minggu bermula 30 Mei hingga 8 Julai 2011 bertujuan menyediakan perkhidmatan dan peluang pekerjaan serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Ia telah disertai oleh 263 graduan termasuk 70 daripada UPM, 78 Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dan 115 orang graduan dari institut pengajian tinggi lain.

Sepanjang menjalani latihan, para peserta didedahkan dengan latihan dalam operasi pusat panggilan, komunikasi dan perkhidmatan pelanggan, membantu pelajar dari segi keyakinan diri, soft skill, pengucapan awam dan kendiri diri pelajar.

MCMF juga memberi peluang kepada graduan yang mempunyai purata nilai gred kumulatif (CGPA) di bawah 3.0 supaya dapat bersaing dengan graduan yang memperoleh CGPA yang lebih cemerlang.

Sejak MCMF dilaksanakan pada sesi 2009-2010, ia memberi faedah kepada 2,000 mahasiswa, dengan 90 peratus berjaya mendapat pekerjaan yang sesuai manakala 8 peratus melanjutkan pelajaran selepas mengikuti program.



Foto : Noor Azreen Awang



# UPM - Pertanian

## Kekal relevan, berimpak tinggi

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh dan Abdullah Arshad

**P**ertanian ialah tumpuan utama yang menjadi kekuatan dan keistimewaan UPM. Ini kerana UPM ialah institusi ilmu yang menjadi legasi gemilang kepada sejarah pengajian pertanian di Malaysia sejak penubuhan Sekolah Pertanian Malaya pada tahun 1931. Di sinilah lahirnya cendekia pertanian yang mencorak pembangunan pertanian negara dan secara tidak langsung melahirkan modal insan dalam membantu kelangsungan pembangunan ekonomi, khususnya dalam sektor pertanian. Lebih daripada 7 dekad, UPM telah menerajui pendidikan dalam bidang pertanian dan UPM juga adalah universiti yang pertama menawarkan program yang relevan dengan pertanian seperti biosains, bioteknologi, veterinar, produk halal, sains dan teknologi makanan dan juga perhutanan.

Pada awalnya Universiti Putra Malaysia atau dahulunya dikenali Universiti Pertanian Malaysia bermula sebagai universiti yang memfokuskan kepada bidang pertanian. Namun, disiplin tersebut telah mengalami transformasi pesat sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang mencatatkan perkembangan pesat dalam teknologi maklumat (ICT) dan bioteknologi. Pada tahun 1997, universiti itu telah diberi nama baru iaitu Universiti Putra Malaysia bagi menggambarkan revolusi pengajian pertanian yang berbentuk multi disiplin, berpandukan teknologi dan kebolehpasaran graduan. Sejak itu, UPM menunjukkan usahanya yang jitu meneruskan kecemerlangan dalam pembangunan pengajian pertanian.

### Teras pertanian

Sejumlah tujuh daripada 16 fakulti di UPM adalah berasaskan pertanian atau disiplin berkaitan pertanian iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan, Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan dan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan. Program fakulti yang lain seperti Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Ekologi, Fakulti Rekabentuk dan Senibina dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan turut menyumbang kepada kekuatan program pertanian melalui gabungan pelbagai disiplin ilmu.

UPM merupakan satu-satunya Universiti Penyelidikan di negara ini yang mempunyai program pengajian yang mengkhususkan kepada bidang pertanian pada peringkat Bachelior seperti program Bachelior Sains Pertanian, Bachelior Sains Hortikultur, Bachelior Sains (Perniagaantani), Bachelior Pertanian (Akuakultur), Bachelior Sains Perhutanan, Bachelior Sains dan Teknologi Perikanan dan Doktor Perubatan Veterinar. Pertanian dan disiplin berkaitan pertanian membentuk 40 peratus program akademik pada peringkat pra siswazah dan 37% bagi program pasca siswazah melalui kerja kursus dan 50% melalui penyelidikan.

Selain itu, enam daripada sembilan institut penyelidikan di UPM

memfokuskan kepada penyelidikan pertanian iaitu Institut Biosains, Institut Pertanian Tropika, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan, Institut Kajian Dasar Pertanian

### Fakta

- 7 daripada 16 fakulti berasaskan / berkaitan pertanian
- 6 daripada 9 institut penyelidikan memfokuskan penyelidikan pertanian
- 50% aktiviti pengajaran dan penyelidikan di UPM adalah berdasarkan pertanian dan agribio
- Aktiviti pembangunan dan khidmat masyarakat untuk membangunkan usahawan tani oleh APEEC
- Pertanian dan disiplin pertanian membentuk 40% program bachelior, 37% pasca siswazah coursework dan 50% pasca siswazah penyelidikan.
- Mengkomersialkan 15 produk pertanian daripada keseluruhan 23 produk yang telah dikomersialkan
- Akan mengkomersialkan 18 produk akhir tahun ini
- Empat produk pertanian iaitu Vita-Grow, ZAPPA, vaksin Fowl Pox dan vaksin Newcastle Disease mencatatkan jualan kasar melebihi RM30 juta.



Newcastle Disease Vaccine

dan Makanan dan Institut Penyelidikan Produk Halal.

Komitmen UPM terhadap pertanian bukan sahaja boleh dilihat melalui aktiviti penyelidikan, malah UPM sentiasa memberi perhatian dengan melatih sumber manusia profesional dalam disiplin pertanian. Sebagai contohnya, UPM Kampus Bintulu (UPMKB) di Sarawak telah memfokuskan kepada pembentukan sumber manusia profesional yang mengkhususkan kepada penawaran program pengajian dan penyelidikan dalam bidang pertanian.

Di UPMKB terdapat 7 program diploma ditawarkan iaitu Diploma Pertanian, Diploma Pengurusan Perladangan Makanan, Diploma Kejuruteraan Pertanian, Diploma Perikanan, Diploma Kesihatan Haiwan dan Ternakan, Diploma Perhutanan dan Diploma Perniagaantani dan satu program bachelior iaitu Bachelior Sains Bioindustri.

UPM juga memperkenalkan Program Persediaan Diploma di UPMKB pada tahun ini untuk memberi peluang kepada pelajar luar bandar yang tidak mencapai tahap pendidikan cemerlang kerana berada di sekolah yang serba kekurangan dan berasal daripada keluarga terpinggir dari segi sosioekonominya.

Ia turut diperkukuhkan dengan aktiviti pembangunan dan khidmat masyarakat untuk program pembangunan usahawan tani oleh Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC), satu-satunya pusat pembangunan pertanian di Institusi Pengajian Tinggi negara ini.

APEEC ditubuhkan untuk menjadi pemangkin kepada proses pemindahan teknologi pertanian dan teknologi berkaitan, penggerak kepada amalan pengembangan pertanian, keusahawanan dan

pemajuan profesional; dan menjadi pusat rujukan pengembangan sepanjang hayat pada peringkat nasional dan antarabangsa. Antara aktiviti berimpak tinggi yang dianjurkan APEEC ialah program hari terbuka bersama Pakar Pertanian UPM di Batu Pahat, Pekan, Temerloh, Jeli.

### Pusat Asasi Sains Pertanian

Menyadari pentingnya keperluan sumber manusia terlatih dalam bidang pertanian, UPM juga mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan Pusat Asasi Sains Pertanian (PASP) pada tahun 2005 iaitu selepas era Universiti Pertanian Malaysia ditukar nama kepada Universiti Putra Malaysia.

**PASP menawarkan program Asasi Sains Pertanian selama setahun kepada pelajar lepasan SPM untuk menyediakan asas kepada pelajar yang berminat dalam bidang pertanian. Lepas program ini bukan sahaja boleh melanjutkan pengajian ijazah dalam program pertanian dan agri-bio, tetapi diluaskan ke pelbagai program fakulti dalam aliran sains.**

Usaha ini dilihat penting dalam memberi nilai tambah terhadap perkembangan pengajian pertanian yang ditawarkan oleh UPM.

Tidak ketinggalan, bagi memupuk kesedaran semua pelajar terhadap pertanian, UPM telah mewajibkan semua pelajar mengambil satu kursus pertanian yang dipanggil 'Pertanian dan Manusia' sejak lima tahun lalu.

Transformasi akademik UPM telah meluaskan skop disiplin pertanian merangkumi kejuruteraan pertanian dan makanan, bioteknologi, pertanian perniagaan dan teknologi maklumat.

Kekuatan UPM dilihat terletak pada kecemerlangan akademik terutama dalam bidang agri-bio dan bioteknologi, program penyelidikan multi dan inter disiplin serta output penyelidikan berimpak tinggi.

### Entiti pertanian

Fakulti Pertanian adalah fakulti yang berteraskan disiplin pertanian secara menyeluruh dan merupakan antara fakulti terawal yang ditubuhkan pada tahun 1971. Selain Fakulti Pertanian, entiti lain yang berkaitan pertanian di UPM ialah Institut Penyelidikan Produk Halal, Institut Pertanian Tropika, Taman Pertanian Universiti





dan Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan.

Fakulti Pertanian berperanan dalam melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang pertanian seperti perladangan, penternakan, perikanan dan biosains. Fakulti ini juga turut membantu untuk mengatasi masalah pertanian semasa negara serta prospek pembangunan industri pertanian dalam jangka masa panjang terutama kepada program latihan sumber manusia dengan tenaga terlatih yang berupaya bersaing dalam arena industri.

Institut Penyelidikan Produk Halal berperanan sebagai pusat sehati atau 'one-stop centre' bagi mengkaji segala aspek produk halal pada peringkat kebangsaan dan global, di samping menyediakan perkhidmatan profesional bagi merealisasikan hasrat negara dalam memajukan bidang pertanian dan menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global.

Institut Pertanian Tropika menyediakan dan merangsang pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti penyelidikan antara disiplin (inter-disciplinary), 'cutting edge' dan berintensif pengetahuan, program siswazah dan latihan lanjutan profesional. Taman Pertanian Universiti bertanggungjawab menyediakan kemudahan pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan dalam bidang pertanian untuk pelajar dan staf serta masyarakat.

Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM) adalah institut unggul di Malaysia yang melaksanakan penyelidikan polisi pertanian dan makanan. Bidang teras penyelidikan merangkumi penelitian polisi sektor bio-sumber dan alam sekitar, pengeluaran pertanian, pemasaran dan perdagangan. Hasil kajian IKDPM akan memberi input kepada agensi kerajaan berkaitan untuk pengubalan polisi.

Taman Konservatori Pertanian adalah kawasan pemuliharaan tumbuhan asli Malaysia berkonsepkan taman botani yang mengandungi koleksi tumbuhan aroma, tumbuhan ubatan, ulaman, halia hutan, periuk kera, orkid hutan, keladi hutan, rempah ratus, aquatik, buah-buahan hutan dan paku-pakis untuk memajukan penyelidikan dalam sektor pertanian, farmaseutikal dan hasilan semulajadi.

#### Budaya agro

UPM mendefinisikan pertanian sebagai merangkumi keseluruhan rantaian berdasarkan tiga elemen utama iaitu berorientasikan teknologi, perniagaan dan kelestarian. Pendekatan ini dijangka dapat membantu pertumbuhan lestari sektor ini.

Matlamat UPM untuk menjadi peneraju pertanian baharu adalah selari dengan enam bidang tujahan penyelidikan yang sedang dilaksanakan sekarang iaitu pertanian, makanan, perhutanan dan alam sekitar, kesihatan, sains sosial dan sains, kejuruteraan dan teknologi. Bidang pertanian yang dibangunkan bukan lagi pertanian ditakuk lama, tetapi pertanian yang berasaskan inovasi dan berupaya memberi dampak besar kepada sektor ekonomi negara.

#### R&D pertanian

Sebagai sebuah negara yang menuju ke arah negara perindustrian, UPM tidak lagi melihat pertanian sebagai pengeluaran, tetapi meliputi semua rantaian nilai termasuk teknologi baharu.

Sebagai institusi pengajian tinggi bertaraf Universiti Penyelidikan, UPM mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian dan memfokuskan inovasi pertanian ke tahap yang lebih tinggi melalui program pembangunan dan penyelidikan (R&D), pengkomersialan hasil penyelidikan dan memperkasakan kurikulum pengajian pertanian dan program pengajian yang relevan.

Selain itu UPM meningkatkan aktiviti perkhidmatan pengembangan, perkhidmatan profesional dan perundingan dalam pelbagai bidang pertanian untuk memindahkan teknologi pertanian dengan lebih berkesan.

Dalam aspek pengkomersialan, UPM proaktif menjalankan pelbagai aktiviti R&D dan menghasilkan banyak penemuan khususnya produk dan teknologi pertanian yang telah dikomersialkan. Sehingga akhir Disember 2010, UPM telah berjaya mengkomersialkan sebanyak 23 produk / teknologi dan menembusi pasaran dengan nilai jualan kasar RM32.3 juta di mana 15 produk / teknologi adalah daripada bidang pertanian.

Empat produk pertanian iaitu Vita-Grow, ZAPPA, vaksin Fowl Pox dan vaksin Newcastle Disease mencatatkan jualan kasar melebihi RM30 juta. Dijangka menjelang akhir tahun 2011, sebanyak 18 produk / teknologi lagi akan dikomersialkan.

#### Bidang keutamaan pertanian

UPM menumpukan enam bidang keutamaan pertanian iaitu bidang persekitaran terkawal, pertanian persis, kawalan biologi, teknologi baja, bank agrobiogen dan pengeluaran akuakultur. Persekitaran terkawal ialah bidang untuk meningkatkan kecekapan penggunaan baja dan air dan pengurusan perosak dalam pengeluaran tanaman bagi menghasilkan produk yang berkualiti. Ia memastikan sistem pengeluaran tanaman lestari dengan teknologi tanpa tanah dan fertigasi.

Bidang pertanian persis merupakan strategi pengurusan ladang secara holistik yang membolehkan penyesuaian input pertanian mengikut variabiliti sesuatu ladang selain mempercekapkan penggunaan baja dan racun perosak.

Kawalan biologi ialah bidang pengawalan perosak secara biologi

melalui penggunaan musuh asli perosak. Bidang teknologi baja ialah usaha menghasilkan baja yang cekap dan mesra alam dalam pertanian baharu bagi menjamin sekuriti makanan dan pengeluaran tanaman secara lestari.

Bidang keutamaan bank agrobiogen pula berfungsi sebagai pusat pemuliharaan yang membekalkan maklumat dan bahan berkaitan pengumpulan, penyimpanan dan penyebaran sumber genetik organisma hidup sementara bidang pengeluaran akuakultur secara lestari menggabungkan saling tindakan parameter persekitaran, ekonomi dan sosial dalam pengeluaran akuakultur dan kesihatan ternakan.

Justeru UPM dilihat masih relevan dan mempertahankan matlamat asal penubuhannya untuk membangunkan sektor pertanian negara dengan fungsinya yang tetap memberikan fokus kepada bidang pertanian selain membangunkan modal insan sektor pertanian negara.

Malah, pertanian di UPM juga dilihat telah bercambah dalam bidang strategik dan kian berimpak tinggi.



“Empat produk pertanian iaitu Vita-Grow, ZAPPA, vaksin Fowl Pox dan vaksin Newcastle Disease mencatatkan jualan kasar melebihi RM30 juta. Dijangka menjelang akhir tahun 2011, sebanyak 18 produk / teknologi lagi akan dikomersialkan.”



## UPM: Global hub for knowledge, education and research

By Mohd Rezuhan M Aspar (MarComm)



## U.S. Science envoy chat at UPM

US Science Envoy, Dr Rita Colwell's recent visit to Malaysia is part of President Barack Obama's initiative to strengthen science and education ties with South Asia and Southeast Asia. Dr. Colwell was at UPM recently where she held interactive sessions with lecturers, researchers and students. The session also saw participation from secondary school students from Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Precinct 8 and Sekolah Menengah Sultan Alam Shah.

Dr. Colwell's visit to Malaysia, which took place between from July 21st to 2nd was aimed at identifying and building on existing opportunities for scientific partnership in areas such as water safety and public health, which she has been a scientific leader in for decades.



## UPM plays host to Asian Association of Agricultural Colleges and Universities (AAACU)

UPM recently hosted the Asian Association of Agricultural Colleges and Universities Study Tour Programme (AAACU-UPM Study Tour Programme) which took place from July 11th to 23rd, 2011. The objectives of this programme was to foster a deeper understanding of tropical agriculture technology and management practices as applied in Malaysia; facilitate sharing of agricultural knowledge and practices among AAACU member countries; and to promote cultural sharing among participating students.

The programme was conducted through lectures, student presentations and discussions, visits to laboratories, field visits within related industries, and cultural tours to areas of interest in the Malaysian capital of Kuala Lumpur and the historic city of Malacca, a UNESCO World Heritage Site.

The participants experienced and learned about Malaysian culture especially during their short home-stay programme at Kampung Ampangan and Sungai Sireh, Kuala Selangor which got them acquainted to community life in a typical agricultural environment. They were also exposed to batik painting, firefly-watching, fish ponds and paddy fields.



## Baghdad-UPM formalize partnership through MoU

Vice Chancellor, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi shaking hands with the President of University of Baghdad, Dr. Mosa Jawad Al-Mosawe after the MoU signing ceremony between UPM and University of Baghdad. The MoU was aimed at establishing collaborations between both universities in the field of engineering.



## Tengku Amir's Supervisor Visits Ayer Hitam Forest Reserve, UPM

Deputy Vice Chancellor (Industry and Community Relations), Prof. Dr. Tai Shzee Yew presenting a memento to Dr. Stephen Compton, a lecturer from Leeds University, United Kingdom after lunch at the Marriott Hotel. Dr. Compton was at UPM as part of his visit to UPM's Ayer Hitam Forest Reserve, where his student, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah will carry out his practical training next year.



## Korea University's Sejong Institute Collaborates with UPM

Mr. Jungki Lee, the Director of The Sejong Institute of International Affairs and Education, Korea University held a discussion with the Director of UPM International Centre, Assoc. Prof. Dr. Zelina Zaiton to discuss its interest in future collaborations with UPM for student exchange and internship programmes.



## UPM's expertise in agricultural research and agro-businesses attracts LID 2011

Forty four participants of the Langkawi International Dialogue (LID) 2011 led by Dr. Charity Kerapeletswe-Kruger from Botswana visited UPM as part of the LID 2011 tour programme. The visit to UPM which carried the theme of Agro-Business included exhibitions of the Faculty of Agriculture, Halal Products Research Institute (IPPH), Institute of Tropical Agriculture (ITA) and the University Research Management Centre (RMC).

Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi said the programme was aimed at exposing LID participants to agro-business business and networking opportunities that are available in Malaysia, and UPM was selected as the tour venue because it is one of the country's key contributors towards the development in Malaysian agro-business and socio-economy.



## University of Maiduguri, Nigeria seeks to strengthen ties with UPM

Prof. M.M. Daura, the Vice Chancellor and Dr. Lawan Bukar Alhaji, the Registrar from Maiduguri University, Nigeria briefing university to Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris during their visit to UPM, which was aimed to strengthen ties with UPM via collaborations which are potentially beneficial to both parties.



## Scholarships for students from East Kalimantan to study at UPM

A delegation from East Kalimantan APTISI, Indonesia made up of Rectors, Deputy Rectors and Deans from private universities paid a working visit to UPM as part of their mission to understudy the best institutions of higher learning in Malaysia to enable them to send their students to Malaysia under their scholarships programmes.



## Ministry of Higher Education and Scientific Research Kurdistan

Prof. Dr. Mohd Ali Hassan, the Dean of the Faculty of Biotechnology and Biomolecular Sciences welcomes the Minister of Higher Education and Scientific Research of Kurdistan, H.E. Prof. Dlawer Ala'Aldeen, observed by Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Deputy Vice Chancellor (Academic & International) during the minister's official visit to UPM.

## OTHER VISITORS

## UPM Receives Entourage from Ministry of Education, Taiwan

The Taiwanese Ministry of Education paid a visit to UPM recently. The delegation was led by Minister H.E. Wu, Ching-Ji. In addition to discussions with Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation) and Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Deputy Vice Chancellor (Academic & International), the delegates visited the Institute of Tropical Agriculture and the Institute of Bioscience.

## National Commission on Muslim Filipinos to learn Halal Technology from UPM

The Director of Halal Product Research Institute, Prof. Dato' Dr. Yaakob Che Mat explaining on how the portable PCR machine, HaFYSTM, invented by his research team, works to detect the presence of porcine DNA in a food sample, to the delegates from the National Commission on Muslim Filipinos during their visit to UPM. The visit was to learn how the research and development as well as policy of halal is implemented in Malaysia.

## Knowledge Sharing by Prof. Grampp with UPM Postgraduates Students and staff

Prof. Dr. G. Grampp, Head, Department of Physical and Theoretical Chemistry, Graz University of Technology, Austria presented a lecture on Chemistry to the postgraduate students and staff of the Department of Chemistry, UPM recently. He also held discussions with Chemistry lecturers to understand their research and teaching activities as well as to discuss possible collaborations to be implemented between the ASEAN-UNINET members.

## MTDS plans to set up Turkish Language and Cultural Centre at UPM

Representatives from the Malaysian Turkish Dialogue Society (MTDS) had a meeting with Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation), Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar; Deputy Vice Chancellor (Academic & International), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris; and Assoc. Prof. Dr. Abdul Muati Zamri Ahmad, Deputy Dean (Academic And Student Affairs) of the Faculty of Modern Languages and Communications Faculty (FBMK) to discuss the potential of establishing a "Turkish Language and Cultural Centre". The entourage also visited FBMK to look at the available facilities there as a reference point for their future Turkish Language and Cultural Centre

## Gambia benefits from LID 2011 visit to UPM

The Honorary Consul of Gambia in Malaysia Mr. Abubacarr Jah, recently paid a visit to UPM. He represented the Gambian Minister of Foreign Affairs, H.E. Dr. Alhaji Mamadou Tangara, who was keen on exploring potential collaborations with UPM in the field of agricultural business following the ministry's visit to UPM during Langkawi International Dialogue 2011. Mr. Abubacarr Jah also took this opportunity to meet up with Gambian students in UPM.



## Editorial staff member visit University of Western Australia, Perth

PERTH, 22-23 August - *Pertanika* continues to strive to achieve its goal of widening its reach as an international journal, and with this objective in mind, Executive Editor, Dr Nayan Kanwal made a trip to University of Western Australia, Perth to highlight the journal's achievements and the respect shown by scholars around the world.



THE UNIVERSITY OF  
WESTERN AUSTRALIA  
*Achieving International Excellence*

The meeting with UWA's Deputy Vice-Chancellor (Research), Prof. Robyn Owens, Winthrop Prof. Kadambot Siddique, the JTAS International Advisory Board (IAB) and JTAS Editorial Board Member, Adj/Prof. Tanveer Khan, yielded many workable strategies to further grow and develop *Pertanika* in that region.

## ScholarOne (Thomson Reuters)

*Pertanika* hopes to have ready before the end of the year the necessary web implementation structure for online submission of and access to articles through the prestigious ScholarOne submission and tracking system.

Using ScholarOne, today's main vehicle for fast, secure and timely online academic publication, will give *Pertanika* efficiency and credibility that scholars around the world will surely appreciate as their research becomes accessible to a wider readership.

## Citation database of research literature

*Pertanika's* growing stature among scholars locally and worldwide has won Elsevier's SCOPUS status for all three of its journals. This has prompted several local and foreign universities where *Pertanika* is widely circulated such as USM, UKM, Nottingham (Malaysia campus), Curtin (Malaysia campus), UTP, UiTM and JUIT University in India, to request special issues of the journal featuring specific themes that are of interest to them. They believe this will greatly enhance and promote scholarship among their researchers and lecturers. No wonder Vice Chancellor Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi is all fired up with plans to further enhance *Pertanika's* reputation "in terms of frequency, quality and focus."

## Prominent guest writers for Editorial pages

Prominent scholars who are experts in their field are now invited to pen the editorial for each issue of the *Pertanika* journals. It is hoped that this will broaden the readership of the journals as well as add to their prestige.



PROFESSOR DATO' ABU  
BAKAR SALLEH  
Former Deputy Vice-Chancellor  
(R&I), Transforming the academic  
environment: Impact factor and  
commercialization.



PROFESSOR RAVI PRAKASH  
Vice Chancellor, JUIT University  
on Smart materials.



PROFESSOR TAN SOON GUAN  
Chief Editor, *Pertanika Journal of  
Tropical Agricultural Science* talks  
on integrity the looked-for ingredi-  
ent in publications.



DR. DESSY IRAWATY  
Newcastle University Business  
School, U.K. writes on ASEAN  
Global-Local Networks in Emerging  
Regions through Knowledge  
Transfer.

## Unique promotion

Landmark academic papers that are published in *Pertanika's* journals will now be converted into press releases as a unique strategy for promoting the journal as well as to make major findings accessible to non-specialist readers. The press releases will be featured in the university's UK-based research portal, ResearchSEA, for the perusal of journalists all over the world.

Recently produced press releases that were converted from *Pertanika's* three journals include a paper published in JTAS by Dr A. Anandan on how rice yield in salt-laden soil has been improved; in JSSH by A.S. Abdul Rahim which shows the relationship between costs incurred in the agriculture sector, specifically in rice production, and the price of crude oil; and in JST by Dr. S. Khairunniza-Bejo which provides a comparison of techniques used to detect changes in mangrove forests.

## Crude oil price's crude effect on rice production

"The impact of crude oil prices has far reaching impacts on the direct and indirect costs involved in rice production. Researchers have mapped crude oil, rice and soybean oil prices between 1970 and 2008 and demonstrate the implications of world crude oil prices on the agriculture sector, in particular on rice production. The paper, in the Journal of Social Sciences and Humanities (JSSH), also suggests that soybean oil producers do not face the same problem and should not worry about the fluctuation of crude oil prices."

Research team: A.S. Abdul-Rahim and M.A. Zariyawati.

## Mapping mangrove biomass

"A comparison of three techniques to detect changes in mangrove forest areas suggests one gives more reliable results than the other two, and this finding will help researchers better understand growth and loss of this important habitat. The work is published in the *Pertanika Journal of Science and Technology*."

Research team: Mahirah Jahari,  
S. Khairunniza-Bejo,  
Abdul Rashid Mohamed Shariff and  
Helmi Zulhaidi Mohd. Shafri.



Image of Matang Mangrove  
forest taken during a field visit

## Pertanika shares skill and know-how

*Pertanika* is always delighted to receive guests from other institutions keen on learning from its success in managing and growing its three journals. Executive Editor Dr Nayan Kanwal recently shared editorial tips from his years of experience with Dr. Borhanuddin Abd. Salam, Director, IT & Corporate Services, MPOB; Prof. Rohany Nasir, Faculty of Social Sciences & Humanities, UKM; Dr. Nur Naha, UTM, Skudai; and Dr. Md. Arris Abu Yamin, Faculty of Applied Sciences, UiTM, Shah Alam.

The guests returned satisfied with the precious input they received, saying that they regard *Pertanika* as a "role model journal" that can help them grow their own journals.

## Pertanika Journals

## Forthcoming Articles 2011 Journal of Science & Technology

### Nonlinear Boolean Permutations

Abdurashid Mamadomolov, Herman Isa, Miza Muntaz Ahmad  
and Moesfa Soehelle Mohamad  
JST-0318-2011

### On Nonspherical Partial Sums of Fourier Integrals of Continuous Functions from the Sobolev Spaces

Ravshan Ashurov  
JST-0319-2011

### Quantum Markov Chains on a Cayley tree

Farrukh Mukhamedov  
JST-0320-2011

### A Review of Property Mass Valuation Models

Ebrahim Jahanshahi, Taher Buyong, and Abdul Rashid  
Mohd. Shariff  
JST-0321-2011

### Online 3D Terrain Visualization of GIS Data: A Comparison between Three Different Web

Ruzinor Che Mat, Abdul Rashid Mohamed Shariff,  
Biswajeet Pradhan and Ahmad Rodzi Mahmud  
JST-0322-2011

### Integrated Partial Match Query in Geo- graphic Information Retrieval

Rosalewati Zahrol, Zainab Abu Bakar and Seyed Jamaludin  
Sayed Ali  
JST-0323-2011

### Digital Mapping using Low Altitude UAV

Anuar Ahmad  
JST-0324-2011

### Groundwater Quality Mapping of an Alluvial Aquifer, Eshtehard, Iran

Leila Khodapanah and Wan Nor Azmin Sulaiman  
JST-0325-2011

### CropCam UAV for Land Use/Land Cover Mapping over Penang Island, Malaysia

Faez M. Hussian, H. S. Lim and M. Z. Mat Jafri  
JST-0326-2011

### Digital Elevation Model (DEM) Generation from Stereo Images

C.E. Joanne Tan, M.Z. Mat Jafri, H.S. Lim and K. Abdullah  
JST-0327-2011

### Land Cover Classification of ALOS PALSAR Data Using Maximum Likelihood and Dual Mode Polarization

C. K. Sim, K. Aboullah, M. Z. Mat Jafri, and H. S. Lim  
JST-0328-2011

### Monthly Distribution Map of Carbon Monox- ide (CO) from AIRS over Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak for the year 2003

Jasim M. Rajab, M. Z. Mat Jafri, H. S. Lim and K. Abdullah  
JST-0329-2011

### Comparison of Fusion algorithms in Mapping Melaleuca Forest in Marang District, Malaysia

M. M. Saberioon, M. Merdan, L. Nordin and A. Mohd Sood  
JST-0330-2011

### The Use of Morlet Wavelet Coefficients for Identifying Fatigue Damage Features

S. Abdullah, T. E. Putra, M. Z. Nuawi and Z. M. Nopiah  
JST-0331-2011

### The ASTER DEM Generation For Geomorphometric Analysis of the Central Alborz Mountains, Iran

Seyed Ramzan Mousavi, Said Pirasteh, Shatri Bin Mansor  
and Ahmad Rodzi Mahmud  
JST-0332-2011

### Surface UV Irradiance Obtained By Ozone Moni- toring Instrument (Omi) Over Peninsular Malay-

N. H. Husemuddin Shah, H. S. Lim and M. Z. Mat Jafri  
JST-0333-2011

Submit your paper today! Articles published in *Pertanika's* three journals are now treated by UPM as equivalent to articles published in an ISI journal.

## Paper Submission Instructions

For 2012 issues, papers must be submitted only via the Executive Editor's office. Please feel free to contact the executive editor at [ndeeps@admin.upm.edu.my](mailto:ndeeps@admin.upm.edu.my) for guidance on the Online submission process.

Please find the journal's profile at:

<http://www.pertanika.upm.edu.my/jpertanika/index.htm>





# Fakulti Perhutanan terajui kepakaran perhutanan negara



Dekan Fakulti Perhutanan, Prof. Datin Dr. Faridah Hanum Ibrahim.

Fakulti Perhutanan merupakan salah satu dari fakulti terawal semasa penubuhan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1971. Fakulti ini merupakan satu-satunya fakulti yang menawarkan pengajian dalam bidang perhutanan di negara ini yang bertujuan melatih ilmu profesional untuk mengurus sumber hutan negara, membangun industri berasaskan kayu dan sektor ekopelancongan negara.

Kini selepas 40 tahun penubuhannya, fakulti ini berjaya menjadi satu pusat pembelajaran dan pendidikan yang unggul dalam bidang perhutanan yang menyumbang bukan sahaja kepada kemajuan penerokaan ilmu malah kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara. Bagi mengetahui sejauh mana pencapaiannya, wartawan Tribun Putra Martin Kahar telah menemubual Dekan Fakulti Perhutanan Prof. Datin Dr. Faridah Hanum Ibrahim baru-baru ini.

**Tribun Putra:** Bolehkah Prof. ceritakan secara ringkas mengenai Fakulti Perhutanan UPM?

**Prof. Datin Dr. Faridah :** Fakulti Perhutanan merupakan satu daripada fakulti asas sejak UPM ditubuhkan. Misi Fakulti Perhutanan adalah untuk menjadi pusat pembelajaran dan pendidikan yang unggul dalam bidang perhutanan yang menyumbang bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu malah pembangunan negara.

Sebagai sebuah entiti akademik, fakulti ini melaksanakan fungsi pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional, sejajar dengan matlamat UPM untuk melahirkan graduan yang kompeten, beretika, dan berwawasan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan negara. Dengan mendukung wawasan dan misi UPM, Fakulti Perhutanan bertekad untuk terus maju menerusi sistem pengurusan yang berkualiti.

Pada masa ini Fakulti Perhutanan mempunyai dua jabatan: Jabatan Pengurusan Hutan dan Jabatan Pengeluaran Hutan dengan 53 orang tenaga pengajar yang mengkhusus dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan perhutanan, sains dan teknologi kayu, dan pengurusan taman dan rekreasi.

Fakulti Perhutanan menawarkan pengajian pada peringkat pra-siswazah dan siswazah. Pra siswazah antara pengajian yang ditawarkan termasuk Bachelior Sains Perhutanan, Bachelior Sains Teknologi Kayu serta Bachelior Sains Taman dan Rekreasi. Pada peringkat siswazah pula menawarkan pengajian dalam Master Sains dan Doktor Falsafah (PhD) termasuk dalam bidang Dendrologi, Ekologi Hutan, Ekonomi Hutan, Entomologi Hutan, Fisiologi Pokok, Hutan Bandar, Pemasaran dan Perdagangan Hasil Hutan dan banyak lagi. Kita juga turut menawarkan Master Pengurusan Hutan Tropika serta Master teknologi Kayu.

**Tribun Putra:** Sejauh manakah kebolehpasaran graduan dalam bidang perhutanan?

**Prof. Datin Dr. Faridah :** Mengikut pengalaman kita sebelum ini, graduan daripada Fakulti Perhutanan tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan peluang pekerjaan baik di sektor kerajaan dan juga agensi swasta. Hampir 80 peratus graduan yang dihasilkan memperoleh pekerjaan seperti di Jabatan Perhutanan dan juga di Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Kebolehpasaran graduan ini disebabkan graduan kita mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup serta mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Ia terhasil daripada pembelajaran teori dan amali. Kita juga mewajibkan pelajar-pelajar mengikuti pembelajaran di luar bilik kuliah bagi mempraktikkan teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah terutama dalam hal-hak yang berkaitan dengan hutan.

Bagi bidang baru iaitu Bachelior Sains Taman dan Rekreasi yang akan bermula pada September 2011/2012, kita menjangkakan graduan mempunyai peluang pekerjaan yang cerah

**“Kita juga bukan sahaja menjalankan penyelidikan di peringkat universiti malah kita turut melibatkan kerjasama syarikat-syarikat luar seperti Exxon Mobil dan juga Mitsubishi Corporation”**

memandangkan ia adalah satu-satunya program yang ditawarkan di negara ini. Antara peluang pekerjaan yang bakal menanti mereka adalah seperti pengurus rekreasi, pegawai perhutanan, pegawai hidupan liar, pengurus resort dan perunding rekreasi. Sebelum ini kebanyakan pegawai perhutanan di negara kita adalah berasal daripada graduan yang belajar di luar negara.

Hubungan yang baik antara fakulti dengan pihak alumni yang berada di kebanyakan agensi juga banyak membantu kita menempatkan graduan-graduan ini. Sebagai contoh pada tahun 2011 alumni kita yang berada di KLW, KL Kepong dan Felda TechnoPlant membantu kita untuk mengadakan ceramah kerjaya dan akhirnya mengambil graduan kita bekerja.

**Tribun Putra:** Setakat ini apakah kejayaan yang telah dikecapi oleh Fakulti ini dari segi penyelidikan dan penerbitan sama ada di dalam mahupun luar negara?

**Prof. Datin Dr. Faridah :** Setakat ini kita telah 70 hasil penyelidikan dari luar dan juga dalam UPM. Jenis penyelidikan yang dihasilkan antaranya berkaitan pengurusan hutan asli, biodiversiti dan pemuliharaan hutan, ekonomi hutan dan kualiti, sains kayu dan penggunaan, rekreasi hutan dan eko-pelancongan.

Kita juga bukan sahaja menjalankan penyelidikan di peringkat universiti malah kita turut melibatkan kerjasama syarikat-syarikat luar seperti Exxon Mobil dan juga Mitsubishi Corporation. Kita kembangkan kepada masyarakat mengenai penyelidikan yang telah kita lakukan seperti mengajak mereka bersama-sama terlibat dalam aktiviti penanaman semula pokok hutan.

“Kita juga bukan sahaja menjalankan penyelidikan di peringkat universiti malah kita turut melibatkan kerjasama syarikat-syarikat luar seperti Exxon Mobil dan juga Mitsubishi Corporation”

Antara projek penanaman semula pokok hutan secara besar-besaran ialah dengan kerjasama Exxon Mobil dan Mitsubishi Corporation yang diadakan setiap tahun bermula sekitar tahun 2000.

Selain itu kita juga terlibat dengan projek pemuliharaan hutan Marudu di Sabah yang bermula pada tahun 2008. Kita telah

mendapat satu geran daripada National Oceanography Directorate (NOD) yang bertujuan memelihara dan memulihara persekitaran dan hutan paya bakau. Menariknya projek ini ialah ia memberi manfaat kepada masyarakat di kawasan berkenaan dengan meningkatkan sumber pendapatan mereka dari segi perikanan dan eko-pelancongan.

Satu lagi projek yang berimpak tinggi ialah penyelidikan gaharu. Gaharu merupakan sumber hutan yang berpotensi tinggi dalam menjana pendapatan rakyat. Permintaan yang tinggi terhadap komoditi baru ini adalah disebabkan kekurangan bekalan yang mana kebiasaannya ia datang daripada hutan liar.

Fakulti Perhutanan sebagai peneraju perhutanan turut menyumbang kepada penyelidikan gaharu. Antara penyelidikan yang dijalankan termasuklah penghasilan gaharu melalui kaedah tisu kultur. Penyelidikan ini bertujuan menghasilkan gaharu dalam media tiruan dan kompaun gaharu kemudiannya diekstrak daripada media tersebut.


“Antara penyelidikan yang dijalankan termasuklah penghasilan gaharu melalui

berjaya.

**Tribun Putra:** Apakah perancangan dan strategi masa depan fakulti untuk mencapai kecemerlangan?


**Prof. Datin Dr. Faridah :** Bersandarkan kepada moto ingin terus maju, kami bertekad untuk menjadikan Fakulti Perhutanan sebagai pusat kecemerlangan yang unggul dalam pendidikan dan penyelidikan Perhutanan Tropika. Dalam membangunkan sumber manusia serta kemudahan prasarana profesional yang cemerlang, Fakulti Perhutanan sentiasa berusaha meningkatkan dan memantapkan keupayaan pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan ke tahap yang terbaik.

Fakulti Perhutanan menggalakkan kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan dan perundingan dalam usaha untuk menjadikannya satu pusat pembelajaran dan pendidikan yang unggul dalam bidang perhutanan tropika, yang menyumbang bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.



kaedah tisu kultur. Penyelidikan ini bertujuan menghasilkan gaharu dalam media tiruan dan kompaun gaharu kemudiannya diekstrak daripada media tersebut”

Usaha sedang dijalankan untuk mengenal pasti dan mengklon gen yang bertanggungjawab dalam penghasilan kompaun berimpak tinggi melalui kaedah genomik. Sekiranya penyelidikan ini berjaya dihasilkan dalam masa terdekat, Fakulti Perhutanan UPM menjadi perintis genomik pokok karas yang pertama di dunia kerana belum ada lagi usaha sebegini dilaporkan. Melalui penyelidikan yang berkualiti dan berterusan, kita berharap dapat membantu industri gaharu negara berkembang maju dan





# Atlet hoki manfaat perlawanan lawan Imperial College London

Oleh Mohd Faisal Md Noor

SERDANG, 4 Julai - Perlawanan persahabatan antara pasukan hoki Universiti Putra Malaysia (UPM) menentang Imperial College London akan menjadi medan persediaan buat skuad hoki UPM kategori wanita untuk beraksi di dalam Kejohanan Sukan Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO) pada 24 hingga 27 Julai nanti. Jurulatih pasukan hoki UPM, Wan Zaharuddin Wan Abdullah berkata pasukannya amat bertuah kerana berpeluang bertemu pasukan hoki dari Imperial College London bagi persiapan menentang Indonesia. "Seramai 10 orang atlet hoki wanita UPM akan dihantar untuk beraksi di dalam kejohanan yang akan diadakan di Jogjakarta itu nanti," katanya.

Pada perlawanan tersebut, pasukan hoki UPM lelaki dan wanita berjaya mengalahkan Imperial College London dalam tiga perlawanan di Stadium UPM.

Ketua pasukan Imperial College London, Ewan Quince berkata beliau memuji kecekapan pasukan hoki UPM kerana ketangkasan mereka beraksi di dalam perlawanan serta semangat berpasukan yang baik.

"Saya berharap agar pasukan hoki UPM akan terus maju ke hadapan dan akan berjaya membawa kemenangan apabila menentang pasukan Indonesia nanti," katanya.

Turut hadir menyaksikan perlawanan ialah Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew.



Foto: Hasrul Hamdan

## > DARI MUKA 16

Pengiktirafan turut diberikan kepada Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din yang menerima Anugerah Kategori Cemerlang dalam Pengajaran ekoran sumbangan beliau dalam program kesihatan ikan.

Beliau yang merupakan Profesor di Fakulti Perubatan Veterinar mempunyai semangat tinggi untuk mengajar dan membantu dalam pembangunan modal insan. Ini jelas dibuktikan oleh penglibatan beliau dalam pengajaran dan latihan dengan beberapa agensi kebangsaan dan antarabangsa.

Kaedah pendidikan inovatif yang menarik dan berkesan telah mendapat perhatian ramai sehingga beliau sering dijemput memberikan syarahan kepada pensyarah muda dan pelajar siswazah terutama mengenai topik 'Scientific Writing and How to Become a Good Researcher'.

Sebagai seorang perintis dalam bidang kesihatan ikan, Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff juga banyak menyumbang dalam pembangunan beberapa program kesihatan ikan di peringkat prasiswazah dan juga siswazah sejak tahun 1977 lagi.

Selain itu, beliau yang juga perunding kepada Food and Agriculture Organization (FAO), International Development Research Centre (IDRC) dan INFOFISH sering dijemput memberi latihan dalam bidang kesihatan ikan di beberapa negara termasuk Brunei, India, Iran, Indonesia, Myanmar, Filipina, Sri Lanka dan Zambia.

Anugerah Gemilang 2011 juga turut memberi pengiktirafan kepada Penolong Pegawai Sains daripada Fakulti Pertanian UPM, Shamsudin Bojang ekoran prestasi cemerlang dan sumbangan beliau dalam

perkhidmatan profesional.

Walaupun bukan ahli akademik bergelar profesor, pengetahuan yang mendalam dalam bidang nematologi iaitu bidang kajian yang berkaitan tanaman perosak dan kemahiran mengendalikan peralatan makmal yang canggih membuatkan beliau sering dijadikan rujukan pelajar.

Malah lebih membanggakan, beliau mampu menerbitkan penulisan saintifik dalam jurnal bertaraf antarabangsa yang kebanyakannya dilakukan oleh golongan pensyarah.

Bagi Shamsudin, semangat yang tinggi selain sokongan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan menjadi resipi untuk beliau berjaya dalam bidang yang diceburi.

Kelima-lima mereka menerima hadiah berupa geran RM10,000, trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd. Salleh Jaafar, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew dan Pendaftar UPM, Dato' Wan Azman Wan Omar.

Pada majlis itu juga, UPM turut memberi anugerah kepada 448 kakitangan pelbagai jawatan iaitu Anugerah Jasa Putra kepada staf yang bersara, Anugerah Setia Putra (staf yang berkhidmat lebih 20 tahun di UPM), Anugerah Bakti Putra (staf yang berkhidmat lebih 30 tahun di UPM) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (staf yang berkhidmat dengan cemerlang bagi tahun 2010).

# UPM johan MASUM



Foto: Noor Azreen Awang

Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (tengah) menyampaikan piala pusingan pada atlet UPM.

Oleh Syed Muhammad Azlan Sayid Hizar

SERDANG, 1 Julai - Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul johan keseluruhan apabila mendominasi pungutan pingat emas Karnival Sukan Majlis Sukan Malaysia (MASUM) yang berlangsung dari 18 Jun hingga 30 Jun lalu.

Daripada 12 acara yang dipertandingkan pada fasa 1 bermula 18 Jun, kontinjen tuan rumah itu muncul juara dalam acara badminton lelaki dan wanita, bola tampar wanita, tenis boling lelaki dan wanita, hoki, olahraga serta skuasy wanita.

Bagi fasa 2 yang bermula 25 Jun, UPM terus unggul dalam acara bola keranjang wanita, karate dan memanah lelaki.

Dengan pungutan 71 pingat emas, 29 perak dan 30 gangsa, UPM jauh meninggalkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang meraih 46 pingat emas, 47 perak dan 39 gangsa di tempat kedua sementara Universiti Malaya

(UM) pula berada di tangga ketiga dengan 19 emas, 30 perak dan 24 gangsa.

Olahraga menjadi lubuk emas buat UPM, yang dibarisi majoriti atlet kebangsaan apabila merangkul 22 pingat, sementara UiTM dan Universiti Malaya (UM), masing-masing sekadar meraih 4 pingat emas.

Penyampaian hadiah dan piala pusingan disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi di Panggung Percubaan UPM.

Sebelum itu, beliau yang membuat ucapan penutup kejohanan berkata, kejohanan Karnival Sukan MASUM harus dikira oleh semua pihak sebagai kejohanan yang bertaraf tinggi.

"Sejajar dengan hasrat pihak Kementerian Pengajian Tinggi mensasarkan 30 peratus atlet negara dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi, penganjuran Karnival Sukan MASUM perlu dilihat lebih teliti bagi mencapai matlamat ini.

"Saya juga berpendapat Pusat Kecemerlangan Sukan yang dipelopori oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kualiti sesuatu bidang sukan," katanya.

Turut hadir pada majlis penutup ialah Pengerusi MASUM, Profesor Dr. Shaharuddin Abd. Aziz dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPM, Profesor Dr. Mohd Fauzi Ramlan selaku Pengerusi jawatankuasa Induk Karnival Sukan MASUM 2011.

Sebanyak 20 kontinjen institut pengajian tinggi Awam (IPTA) menyertai Karnival Sukan MASUM yang mempertandingkan 19 acara sukan melibatkan lebih 4,000 atlet.

Sejak diperkenalkan sekitar 80-an, MASUM telah melahirkan beberapa tokoh sukan ternama seperti Zaiton Othman, Nazmizan Mohamad, Nik Nur Azura serta ramai lagi yang telah mengharumkan nama negara di persada dunia.

# KEPERTAMA juara Sukan Tiga Penjuru

Oleh Syifarida binti Muhamad Zaki

SERDANG, 30 Julai - Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia (KEPERTAMA) muncul juara bagi Kejohanan Sukan Tiga Penjuru Persatuan/Kesatuan UPM 2011 yang telah diadakan baru-baru ini.

KEPERTAMA yang keahliannya terdiri daripada kakitangan sokongan UPM telah meraih tempat pertama dalam enam daripada tujuh acara iaitu sepak takraw, ping pong, golf, bola jaring, karom dan badminton.

Kejohanan anjuran bersama Persatuan Pentadbir UPM (PPUPM), Pegawai Akademik UPM (PPAUPM) dan Kesatuan Kakitangan Am UPM (KEPERTAMA) yang berlangsung dari 24 hingga 30 Julai lalu.

Seorang peserta pasukan KEPERTAMA, Kadir Mohd Alias berkata kerjasama yang kukuh antara pasukan telah melayakkan KEPERTAMA menjadi juara.

"Kejayaan KEPERTAMA menjuarai enam jenis permainan hasil latihan gigih sebelum kejohanan bermula," katanya.

Peserta PPUPM, Hamidah Meseran berkata penglibatannya dalam acara bola

jaring dapat mengurangkan tekanan kerja dan boleh merehatkan fikiran.

"Saya merasakan kejohanan ini membantu saya mengurangkan tekanan kerja serta merehatkan fikiran," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Sosial, UPM, Dato' Wan Azman Wan Omar berkata sukan itu dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dan memberi kesan jangka panjang untuk menghasilkan kerja yang berkualiti.

"Saya lihat sukan ini telah menghasilkan kesepakatan kerja antara pegawai dan kakitangan. Harapan saya kejohanan yang julung kalinya diadakan ini dijadikan sukan tahunan UPM," katanya.



Foto: Noor Azreen Awang





**Fakulti Perhutanan terajui  
kepakaran perhutanan negara**  
> 14

**UPM Johan MASUM**  
> 15



## PENCAPAIAN UPM

### UPM lahir 12,000 graduan PJJ



Ketua Pegawai Eksekutif, UPM Education & Training Sdn.Bhd. (UPMET), Dr. Abdul Aziz Saharee

Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG, 20 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM), berjaya melahirkan seramai 12,000 graduan melalui program pendidikan jarak jauhnya (PJJ) sejak ia diperkenalkan pada tahun 1995.

Ketua Pegawai Eksekutif, UPM Education & Training Sdn.Bhd. (UPMET), Dr. Abdul Aziz Saharee berkata daripada jumlah itu, seramai 10,978 terdiri daripada program bachelor, manakala 1,021 graduan bagi program master.

"Kami berazam membantu lebih ramai masyarakat menyambung pengajian tinggi," katanya pada majlis perasmian dan bacaan ikrar pelajar baharu PJJ, semester pertama 2011/2012 di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Pengarah Urusan UPM Holdings Dr. Husaini Omar dan Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Abdul Mu't Zamri Ahmad.

Pada majlis yang sama, seramai 658 pelajar baharu telah mendaftar bagi program PJJ iaitu 458 bagi program bachelor dan 200 untuk program master.

Program bachelor yang ditawarkan termasuklah Komunikasi, Sains Pembangunan Sumber Manusia, Sastera Bahasa Inggeris, Sastera Bahasa & Linguistik Melayu dan Sains Pertanian.

Bagi program master pula UPM menawarkan Master Pembangunan Sumber Manusia, Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama), Bahasa Melayu, Komunikasi Korporat dan Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan).

Sementara itu, Prof. Datin Paduka Dr. Aini berkata, UPM akan sentiasa menyahut seruan kerajaan dalam memberi penekanan kepada penghasilan 'Knowledge Workers' iaitu pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran.

"Saya yakin sekiranya kita boleh membekalkan 'Knowledge Workers' kepada setiap sektor, industri dan peringkat kerja, negara ini mampu meningkatkan produktiviti dan daya saing demi mencapai wawasan 2020," katanya.

Program PJJ UPM telah bermula sejak tahun 1995 dan ia dipertanggungjawabkan di bawah Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (Ideal). Pada 1 Januari 2004, Ideal telah digabungkan dengan Pusat Program Luar dengan menggunakan nama PPL.

Pada Mac 2010, program PPL telah diletakkan di bawah UPMET iaitu salah satu anak syarikat UPM Holding Sdn. Bhd untuk mengembangkan lagi program.



Foto: Nanna Ismail

## NC dianugerahkan Asia's Best B-School Award

Oleh Fahezah Nor Mohamed

SINGAPURA - Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi telah dianugerahkan sebagai pemenang Asia's Best B-School Awards kerana jasanya sebagai individu yang komited mempamerkan prestasi cemerlang dalam bidang pengajian perniagaan.

Beliau menerima anugerah dalam kategori Outstanding Contribution To

Education dalam anugerah kali kedua itu yang berlangsung pada 22 Julai lalu di Suntec, Singapura dan dianjurkan oleh CMO Asia Advisory Board dengan kerjasama Advisory Council of World Brand Congress.

Terdapat 42 kategori anugerah merangkumi 12 bidang utama dalam pengajian perniagaan telah ditawarkan kali ini. Selain Malaysia, 28 buah negara yang mengambil bahagian ialah Australia, Armenia, Amerika Syarikat, Bangladesh, China, England, France, Hong Kong, India, Indonesia, Israel, Jepun,

Kuwait, Mauritius, Nepal, Oman, Pakistan, Filipina, Qatar, Arab-Saudi, Singapura, Afrika Selatan, Korea Selatan, Spain, Sri Lanka, Thailand dan UAE.

Asia's Best B-School Awards merupakan anugerah keempat yang diterima oleh Dato' Ir. Dr. Radin Umar di peringkat antarabangsa selepas Prince Michel Award (UK, 2005), Highly Commendation Road Safety BP Awards (UK, 2002) dan Katahira Young Engineers Awards (Jepun, 2000).

## Lima penerima Anugerah Fellowship kongsi rahsia kejayaan



Oleh Mohd. Martin Abdul Kahar

SERDANG, 29 Jun – Empat pensyarah dan seorang kakitangan sokongan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor UPM sempena majlis Gemilang Putra 2011 mempunyai rahsia tersendiri dalam menjalankan tanggungjawab mereka sehingga layak menerima anugerah tersebut.

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia UPM, Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran yang menerima Anugerah Kategori Cemerlang dalam Perkhidmatan Profesional berkata, beliau berpegang pada prinsip melakukan sesuatu pekerjaan dengan niat ikhlas, minat mendalam dan bukan kerana mengejar pendapatan lumayan atau pangkat tinggi.

Tanpa menduga akan menerima

pengiktirafan itu, beliau menyifatkan ia adalah hasil daripada penglibatannya dalam pembangunan masyarakat sepanjang tempoh 12 tahun berkhidmat di UPM selain terlibat dalam lebih 600 ceramah motivasi berkaitan pembangunan komuniti.

"Saya kerap menjadi penceramah undangan dalam dan luar negara selain menjadi pakar rujuk dalam bidang Ekologi Manusia," katanya yang menganggap pengiktirafan itu sungguh bermakna kepada dirinya.

Seorang lagi penerima Anugerah Kategori Cemerlang Dalam Penyelidikan, Prof. Dr. Md. Nordin Lajis iaitu pensyarah dari Fakulti Sains, Jabatan Kimia UPM berkata, untuk berjaya beliau sentiasa mencabar diri untuk melakukan sesuatu kerja lebih baik daripada orang lain.

"Bagi saya kalau orang lain boleh buat kerja dengan baik mengapa diri kita tidak boleh melakukannya. Sebab itu saya sentiasa mencabar diri supaya dapat melakukan kerja lebih baik daripada orang lain," katanya.

Sepanjang berkhidmat di UPM, Prof. Dr. Md. Nordin banyak menghasilkan penyelidikan menghasilkan ubat-ubatan menggunakan sumber semula jadi sehingga nama beliau cukup sinonim di dalam negara dan peringkat antarabangsa.

Beberapa sumbangan beliau dalam penyelidikan diiktiraf oleh badan dunia termasuk UNESCO dan telah dilantik sebagai 'National Point of Contact Representative untuk Asia Tenggara.

Beliau yang kini mengendalikan makmal di Institut Biosains UPM sering menjadi tempat rujukan di kalangan penyelidik dalam dan juga luar negara terutama dalam penyelidikan hasilan semula jadi. Beliau yang kini mengendalikan makmal di Institut Biosains UPM sering menjadi tempat rujukan di kalangan penyelidik dalam dan juga luar negara terutama dalam penyelidikan hasilan semula jadi.

Penerima Anugerah Kategori Cemerlang dalam Pengajaran iaitu Prof. Madya Dr. Rozanah Ab. Rahman yang merupakan pensyarah jurusan undang-undang dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan meletakkan minat terhadap tugas pada kedudukan yang teratas.

Menurut beliau, dengan adanya minat yang mendalam, ia akan mencipta komitmen yang berterusan selain memupuk sikap dedikasi dalam diri untuk mengajar.

Mengulas keupayaan beliau menyampaikan kandungan kursus undang-undang dengan mudah, menarik serta tidak menjejaskan kualiti pengajaran, Prof. Madya Dr. Rozanah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan salah satunya adalah peta minda.

"Proses pengajaran dan pembelajaran masih menggunakan bahan yang asal tetapi saya mempelbagaikan kaedah penyampaian untuk memudahkan proses pembelajaran. Dengan itu ia akan menarik minat pelajar untuk mempelajari bidang undang-undang yang dianggap agak susah," ujarnya.

> LIHAT MUKA 15

## UPM menang 4 emas PECIPTA

Oleh Shuriati Ab Rahim

KUALA LUMPUR – Tiga penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meraih empat pingat emas pada Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2011) di Kuala Lumpur Convention Centre baru-baru ini.

Mereka ialah Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din dari Fakulti Perubatan Veterinar dengan produk Immobilized Periphytic Microalgae (Oscibeeds) for Rapid And Efficient Removal of Toxic Compounds From Water untuk menyinkirkan sebatian toksik di dalam air dengan cepat dan efektif serta boleh diproses untuk menghasilkan baja biologi, makanan haiwan serta bahan api.

Lain-lain ialah Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal Prof. Dato' Dr. Yaakob

Che Man dengan produk HaFYS-Porcine DNA Test Kit yang dapat mengesan DNA babi dalam masa satu jam, Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam dengan produk Phonic Tutor Software for Visually Dyslexic Student iaitu perisian yang membantu pelajar dyslexia mempelajari Bahasa Malaysia.

Emas turut dimenangi oleh Dr. Siti Aslina Hussain dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk Artificial Conduit For Coronary Heart Diseases iaitu alat perubatan untuk merawat penyakit jantung yang berfungsi sebagai transkatalaorta-conory sinus dalam merawat pesakit diffuse coronary atherosclerosis.

Penyelidik UPM turut meraih tujuh pingat perak dan sebelas pingat gangsa menjadikan jumlah 22 pingat keseluruhan daripada 25 penyertaan penyelidik pada PECIPTA yang dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Pingat Perak:

- Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff, Fakulti Kejuruteraan. Integrated 3D Terrain Visualizer,
- Prof. Madya Dr. Ahmed Osumanu Haruna, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPMKB). Breakthrough in Isolation of Humic Acids From Tropical Peats,

- Prof. Dr. Hashim Musa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. How True Malay are You? An Instrument to Measure Social Character Traits,
- Dr. H'ng Paik San, Fakulti Perhutanan. Optimum Bioconversion Process of Lignocellulosic Waste to Ethanol,
- Prof. Dr. Suhaila Mohamed, Institut Biosains. A Novel Additive That Reduces Oil Absorption and Fat Deterioration in Food,
- Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abd Rahman, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul. Psychrozim: A Novel Cold Active Bifunctional Enzyme
- Prof. Madya Dr. Sharifah Kharidah Syed Muhammad, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan. Natural Red-Purple Colourant from Dragon Fruit.



Pingat Gangsa:

- Prof. Dr. Jamaluddin Noorzaei, Fakulti Kejuruteraan. Development of 3-D Nonlinear Earthquake Resistance System for Framed Buildings,
- Prof. Madya Dr. Abd. Rahim Abu Talib, Fakulti Kejuruteraan. Non-Penetrative Vacuum Blood Container,
- Dr. Mohd Nizar Hamidon, Fakulti Kejuruteraan. Single Port Saw Resonator For High Temperature Passive System,
- Prof. Dr. Abdul Halim Shaari, Fakulti Sains. Novel Ceramic For Energy Storage,
- Dr. Zurina Zainal Abidin, Fakulti Kejuruteraan. Ultrasound Assisted Solid Liquid Extraction of Jatropha Seeds,
- Prof. Dr. Borhanuddin Mohd Ali, Fakulti Kejuruteraan. Concatenated Multi-Dimensional Modulating Transmitter and Receiver Implementation in Digital Communication Systems,
- Dr. Siti Aslina Hussain, Fakulti Kejuruteraan. Cosmo Ball in Waste Treatment,
- Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Fakulti Kejuruteraan. MyOBE - Outcome Based Education Management System,
- Prof. Dr. Robiah Yunus, Fakulti Kejuruteraan. Pulse Assisted Tubular Reactor for Efficient Biodiesel Production,
- Prof. Dr. Mohd Amin Mohd Soom, Fakulti Kejuruteraan. UPM Viras Rader
- Prof. Madya Dr. Normahdiah Sheik Said, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. THE ME™ (Measuring Engagement Tool) A System To Measure Human Engagement Behaviour Whilst Interacting With A User Interface.

Diterbitkan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Tingkat 4, Bangunan Pentadbiran, UPM, 43400 Serdang, Selangor  
Dicetak oleh Visual Print Sdn Bhd | A-7A, No.2, Jalan 12/144A, Taman Bukit Cheras, 56000 Kuala Lumpur